




# LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2013

Aktiviti Jabatan/Agenzi Dan  
Pengurusan Syarikat Kerajaan  
**NEGERI PERLIS**

SIRI 2



JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA





# **LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2013**

---

Aktiviti Jabatan/Agensi  
Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan  
**NEGERI PERLIS**

**SIRI 2**

**JABATAN AUDIT NEGARA  
MALAYSIA**





---

## KANDUNGAN



# KANDUNGAN

<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
<b>KATA PENDAHULUAN</b>	vii
<b>INTISARI LAPORAN</b>	xi
<b>AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI</b>	
MAJLIS PERBANDARAN KANGAR	3
Pengurusan Perolehan	
PERBADANAN KEMAJUAN EKONOMI NEGERI PERLIS	25
Putra Palace Sdn. Bhd.	
<b>PENUTUP</b>	45





---

## KATA PENDAHULUAN



## KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106, Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, Pengurusan Kewangan dan Aktiviti Jabatan/Agensi Negeri. Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957 serta Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2013 pula memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk mengaudit sesebuah syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 yang menerima geran/pinjaman/jaminan daripada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri dan sesebuah syarikat di mana lebih daripada 50% modal saham berbayar dipegang oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau Agensi Kerajaan Negeri. Manakala perkara 107, Perlembagaan Persekutuan menghendaki Ketua Audit Negara mengemukakan laporan hasil pengauditan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Raja Perlis. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan menitahkan Laporan Ketua Audit Negara untuk dibentangkan di Parlimen manakala Duli Yang Maha Mulia Tuanku Raja Perlis menitahkan untuk membentangkan Laporan Ketua Audit Negara di Dewan Undangan Negeri Perlis.
2. Pada tahun 2014 ini Jabatan Audit Negara akan meneruskan pelaksanaan inisiatif di bawah GTP2.0: NKRA Antirasuah dengan mengemukakan Laporan Ketua Audit Negara mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri untuk dibentangkan di Parlimen/Dewan Undangan Negeri setiap kali sesi Parlimen/Dewan Undangan Negeri bersidang. Jabatan Audit Negara juga akan turut membantu Jabatan/Agensi Kerajaan untuk melakukan perubahan peningkatan kesejahteraan rakyat dan menyokong Dasar Transformasi Negara demi mencapai matlamat utama sebagai negara maju dengan memberikan pandangan serta syor melalui pengauditan yang dijalankan. Saya berharap laporan mengenai pelaksanaan Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Perlis Tahun 2013 untuk sesi pembentangan ke dua tahun 2014 ini dapat dijadikan asas untuk memperbaiki segala kelemahan, memantapkan usaha penambahbaikan dan meningkatkan akauntabiliti dan integriti serta mendapat *value for money* bagi setiap perbelanjaan yang dibuat seperti mana hasrat Kerajaan.
3. Laporan saya ini adalah hasil daripada pengauditan yang dijalankan terhadap aktiviti-aktiviti tertentu yang dilaksanakan di satu Jabatan dan satu Syarikat Kerajaan Negeri. Pengauditan terhadap aktiviti Jabatan/Agensi Negeri adalah untuk menilai sama ada program dan aktiviti yang dirancang telah dilaksanakan dengan jayanya mengikut tempoh yang ditetapkan, tiada pembaziran dan mencapai matlamatnya. Manakala pengauditan terhadap pengurusan syarikat adalah untuk menilai sama ada prestasi kewangan sesebuah syarikat adalah baik, pengurusan aktiviti dan kewangan syarikat serta tadbir urus korporat telah dilaksanakan dengan teratur dan selaras dengan peraturan yang ditetapkan serta mencapai objektif penubuhannya.

4. Pemerhatian Audit daripada pengauditan tersebut telah dikemukakan kepada Ketua Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri berkenaan. Hanya penemuan Audit yang penting sahaja yang dilaporkan dalam Laporan ini. Laporan berkenaan juga telah dikemukakan kepada Pejabat Menteri Besar/Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis. Bagi menambah baik kelemahan yang dibangkitkan atau bagi mengelakkan kelemahan yang sama berulang, saya telah mengemukakan sebanyak 10 syor untuk diambil tindakan oleh Ketua Jabatan/Agensi berkenaan.

5. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan/Agensi dan Syarikat Kerajaan Negeri Perlis yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan Laporan ini.

  
**(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)**  
**Ketua Audit Negara**  
**Malaysia**

Putrajaya  
15 April 2014



---

## INTISARI LAPORAN



# INTISARI LAPORAN

## AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

### 1. MAJLIS PERBANDARAN KANGAR

#### - Pengurusan Perolehan

**1.1.** Majlis Perbandaran Kangar (Majlis) ditubuhkan pada 1 Januari 1980 di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) setelah penyusunan semula dilakukan terhadap 4 Pengguna Tempatan. Antara objektif pewujudan Majlis adalah untuk memperbandarkan seluruh Negeri Perlis dan memberi serta meningkatkan perkhidmatan kepada penduduk dalam konteks kebersihan, pengawalan penyakit, kesihatan awam dan pengindahan serta rekreasi. Majlis turut memainkan peranan dalam menggalakkan pembangunan perumahan dan perniagaan di samping mengekal dan menguatkan peranan Bandar Kangar sebagai pusat pentadbiran dan perniagaan. Majlis diketuai oleh Yang Di Pertua Majlis dan dibantu oleh Setiausaha dan Timbalan Setiausaha.

**1.2.** Pada tahun 2011 hingga 2013, Majlis telah melaksanakan perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja melibatkan perbelanjaan berjumlah RM42.98 juta. Bagi tempoh tahun 2011 hingga 2013, sejumlah RM28.13 juta atau 65.4% bekalan dilaksanakan secara pembelian/pemberian terus manakala perbelanjaan berjumlah RM7.93 juta atau 18.5% dilaksanakan melalui sebut harga dan RM6.92 juta atau 16.1% melalui tender. Sejumlah RM6.08 juta atau 14.2% daripada jumlah keseluruhan yang dibelanjakan menggunakan peruntukan Kerajaan Persekutuan, manakala perolehan yang dilaksanakan daripada peruntukan Kerajaan Negeri berjumlah RM8.82 juta atau 20.5%. Perolehan menggunakan peruntukan Majlis pula berjumlah RM28.08 juta atau 65.3%.

**1.3.** Pengauditan yang dijalankan pada bulan September hingga Disember 2013 mendapati pada amnya, Pengurusan Perolehan oleh Majlis Perbandaran Kangar adalah memuaskan. Ia boleh dipertingkatkan lagi sekiranya kelemahan berikut diambil perhatian sewajarnya:

- Kerja tidak berkualiti/tidak mengikut spesifikasi serta kelemahan dalam reka bentuk dan perancangan.
- Bangunan/premis tidak digunakan/tidak digunakan secara optimum serta tidak disenggara.
- Kerja/bekalan telah dipecah kecil bagi mengelak perolehan secara sebut harga serta harga kurang munasabah.

**1.4.** Bagi memastikan perolehan bekalan/perkhidmataran/kerja dapat dilaksanakan dengan teratur cekap dan berhemat serta mendapat *value for money* bagi perbelanjaan wang awam yang dibelanjakan, Majlis adalah disyorkan mempertimbangkan perkara berikut:

**1.4.1.** Memastikan supaya semua projek dapat disiapkan mengikut tarikh yang ditetapkan supaya projek tersebut dapat dimanfaatkan dengan segera.

**1.4.2.** Meningkatkan pemantauan terhadap kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor bagi memastikan spesifikasi kerja dipatuhi dan projek disiapkan mengikut jadual.

**1.4.3.** Memastikan perolehan dirancang dengan teliti supaya bekalan/perkhidmatan/kerja yang diperoleh digunakan secara optimum.

**1.4.4.** Melaksanakan penyenggaraan kemudahan awam secara berjadual supaya ia dapat digunakan sepenuhnya.

**1.4.5.** Menentukan cadangan reka bentuk binaan dan kesesuaian tapak telah mengambil kira aspek keselamatan pengguna.

**1.4.6.** Memastikan proses pengurusan perolehan dibuat dengan teratur dan mematuhi peraturan dan pekeliling yang berkuatkuasa.

## **2. PERBADANAN KEMAJUAN EKONOMI NEGERI PERLIS**

- Putra Palace Sdn. Bhd.

**2.1.** Putra Palace Sdn. Bhd. (Syarikat) atau nama asalnya, Natura Rubber Tires Sdn. Bhd. ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965 pada 19 Julai 1986. Syarikat adalah sebuah syarikat subsidiari milik penuh Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis (Perbadanan) dengan modal saham dibenarkan dan berbayar masing-masingnya berjumlah RM5.0 juta. Syarikat ditubuhkan bertujuan menguruskan rangkaian hotel milik Perbadanan iaitu Hotel Putra Palace dan Hotel Putra Brasmana.

**2.2.** Aktiviti tunggal Syarikat adalah pengurusan hotel. Perkhidmatan yang disediakan merangkumi penyewaan bilik penginapan, perkhidmatan dobi, perkhidmatan bilik ke bilik, penjualan makanan di samping pelbagai kemudahan lain seperti bilik mesyuarat, *Penthouse*, kolam renang dan jalur lebar tanpa wayar (*wifi*).

**2.3.** Syarikat mempunyai 5 orang Ahli Lembaga Pengarah yang terdiri daripada Pengurus dan 3 orang daripadanya adalah wakil Kerajaan Negeri Perlis serta seorang Pengarah mewakili Perbadanan. Pengurusan Syarikat diketuai oleh seorang Pengurus Besar serta dibantu 6 orang kakitangan eksekutif. Pada 31 Disember 2012, kakitangan Syarikat berjumlah 96 orang yang terdiri daripada 85 orang kakitangan tetap dan 11 orang kakitangan kontrak.

**2.4.** Pengauditan yang dijalankan pada bulan September hingga Disember 2013 mendapati secara keseluruhannya, prestasi kewangan, pengurusan aktiviti, tadbir urus korporat dan pengurusan kewangan Syarikat kurang memuaskan. Kelemahan yang ditemui adalah seperti berikut:

- Kerugian sebelum cukai pada tahun 2012 meningkat kepada RM1.16 juta atau 205.3% berbanding RM0.38 juta pada tahun 2011. Manakala kerugian terkumpul meningkat dari RM1.70 juta pada tahun 2011 kepada RM2.86 juta pada tahun 2012.
- Liabiliti semasa Syarikat menunjukkan peningkatan sejumlah RM2.02 juta atau 98.1% iaitu daripada RM2.06 juta tahun 2011, kepada RM4.09 juta pada tahun 2012.
- Kemudahan dan fasiliti Hotel yang disediakan kurang memuaskan.
- Kelemahan dalam tadbir urus korporat, terutamanya pengurusan kewangan Syarikat.

**2.5.** Bagi mempertingkatkan tahap pencapaian pengurusan Syarikat, adalah disyorkan Syarikat mengambil tindakan berikut:

**2.5.1.** Mempertingkatkan prestasi kewangan dan berusaha dengan lebih giat untuk mengurangkan defisit ekuiti.

**2.5.2.** Mempergiatkan lagi pemantauan terhadap pengurusan aktiviti utama supaya kelemahan yang wujud dapat dikenal pasti dan ditangani dengan segera.

**2.5.3.** Mengambil tindakan segera terhadap perkara berbangkit dalam tadbir urus korporat dan pengurusan kewangan. Syarikat perlu memastikan pengurusan kewangan mencapai standard yang ditetapkan.

**2.5.4.** Menambah baik kemudahan dan fasiliti Hotel.





---

## **AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI**



# AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

## MAJLIS PERBANDARAN KANGAR

### 1. PENGURUSAN PEROLEHAN

#### 1.1. LATAR BELAKANG

**1.1.1.** Majlis Perbandaran Kangar (Majlis) ditubuhkan pada 1 Januari 1980 di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) setelah penyusunan semula dilakukan terhadap 4 Pengguna Tempatan. Antara objektif pewujudan Majlis adalah untuk memperbandarkan seluruh Negeri Perlis dan memberi serta meningkatkan perkhidmatan kepada penduduk dalam konteks kebersihan, pengawalan penyakit, kesihatan awam dan pengindahan serta rekreasi. Majlis turut memainkan peranan dalam menggalakkan pembangunan perumahan dan perniagaan di samping mengekal dan menguatkan peranan Bandar Kangar sebagai pusat pentadbiran dan perniagaan. Majlis diketuai oleh Yang Di Pertua Majlis dan dibantu oleh Setiausaha dan Timbalan Setiausaha.

**1.1.2.** Pada tahun 2011 hingga 2013, Majlis telah melaksanakan perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja melibatkan perbelanjaan berjumlah RM42.98 juta. Bagi tempoh tahun 2011 hingga 2013, sejumlah RM28.13 juta atau 65.4% bekalan dilaksanakan secara pembelian/pemberian terus manakala perbelanjaan berjumlah RM7.93 juta atau 18.5% dilaksanakan melalui sebut harga dan RM6.92 juta atau 16.1% melalui tender. Sejumlah RM6.08 juta atau 14.2% daripada jumlah keseluruhan yang dibelanjakan menggunakan peruntukan Kerajaan Persekutuan, manakala perolehan yang dilaksanakan daripada peruntukan Kerajaan Negeri berjumlah RM8.82 juta atau 20.5%. Perolehan menggunakan peruntukan Majlis pula berjumlah RM28.08 juta atau 65.3%. Kaedah pelaksanaan dan kos yang dibelanjakan sepanjang tempoh tersebut adalah seperti di **Jadual 1.1**.

**Jadual 1.1**  
**Kaedah Perolehan Majlis Bagi Tempoh Tahun 2011 Hingga 2013**

Kaedah	Peruntukan (RM Juta)			Jumlah (RM Juta)
	Persekutuan	Negeri	Majlis	
Pembelian/Pemberian Terus	0.34	0.32	27.47	28.13
Sebut Harga	4.82	2.50	0.61	7.93
Tender	0.92	6.00	-	6.92
<b>Jumlah</b>	<b>6.08</b>	<b>8.82</b>	<b>28.08</b>	<b>42.98</b>

Sumber: Jabatan Audit Negara

## **1.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Objektif pengauditan adalah untuk menilai pengurusan perolehan Majlis telah dirancang dan dilaksanakan dengan cekap, ekonomi dan mencapai matlamat yang ditetapkan.

## **1.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN**

Skop pengauditan meliputi perolehan yang dilaksanakan bagi tempoh 3 tahun iaitu dari tahun 2011 hingga 2013. Pengauditan dijalankan dengan membuat pemeriksaan terhadap fail, rekod dan dokumen berkaitan bagi setiap projek/perolehan yang dipilih. Selain itu, temubual dan perbincangan dengan pegawai audit turut akan diadakan. Semakan dan pemeriksaan Audit terhadap 40 projek pembinaan, penyenggaran dan bekalan telah dibuat bagi menentukan kerja-kerja/perkhidmatan atau bekalan telah dilaksanakan/diterima mengikut spesifikasi/senarai kuantiti yang ditetapkan. Sampel pengauditan meliputi sekurang-kurangnya 10% daripada jumlah perolehan pemberian terus manakala 100% bagi perolehan sebut harga dan tender. Pemilihan sampel dibuat dengan mengambil kira kos dan bilangan projek/bekalan yang dilaksanakan pada tahun 2011 hingga 2013.

## **1.4. PENEMUAN AUDIT**

Pengauditan yang dijalankan pada bulan September hingga Disember 2013 mendapati secara keseluruhannya, pengurusan perolehan Majlis Perbandaran Kangar adalah memuaskan. Semakan dan pemeriksaan Audit terhadap 40 projek pembinaan, penyenggaran dan bekalan bernilai RM17.84 juta mendapati 15 daripadanya mempunyai kelemahan seperti berikut:

- Kerja tidak berkualiti/tidak mengikut spesifikasi serta kelemahan dalam reka bentuk dan perancangan.
- Bangunan/premis tidak digunakan/tidak digunakan secara optimum serta tidak disenggara.
- Kerja/bekalan dipecah kecil bagi mengelak perolehan secara sebut harga serta harga kurang munasabah.

### **1.4.1. Prestasi Pembinaan Projek**

**1.4.1.1.** Projek yang dijalankan hendaklah disiapkan mengikut tempoh masa yang ditetapkan di dalam perjanjian. Mengikut Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2009, Pegawai Inden hendaklah mengeluarkan Perakuan Siap Kerja sebaik sahaja kerja disiapkan dengan sempurna dan memuaskan.

**1.4.1.2.** Semakan Audit terhadap 40 fail projek/bekalan mendapati 32 projek telah disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan, 7 projek/bekalan telah lewat disiapkan/dibekalkan antara 32 hingga 166 hari, manakala 1 projek belum disiapkan sehingga 31

Disember 2013. Projek yang belum disiapkan tersebut ialah Membina Pasar Arau bernilai RM6.47 juta dan sepatutnya disiapkan pada 5 Disember 2012. Sebanyak 2 Permohonan Lanjutan Masa telah diluluskan selama 299 hari dan tarikh siap baharu ialah pada 30 September 2013. Tiada permohonan lanjutan masa baharu selepas tarikh tersebut. Kontraktor yang dipilih Lembaga Tender didapati tidak melepas penilaian tender peringkat kedua oleh Jawatankuasa Teknikal disebabkan tidak mempunyai kakitangan teknikal, pengalaman kerja yang sangat rendah dan keupayaan teknikal loji dan peralatan pada tahap 68%. Pemilihan dibuat atas dasar harga kontrak yang terendah. Kontraktor telah melantik sub-kontraktor untuk menjalankan kerja-kerja pembinaan. Kini, kerja tersebut dilaksanakan dalam tempoh berdenda. Denda Lewat Masa dikenakan sebanyak RM984.98 sehari. Kelewatan sehingga 31 Disember 2013 adalah selama 92 hari dan peratus siap kerja adalah pada kadar 87.7%. Kelewatan dalam menyiapkan projek telah menyebabkan pasar baharu lewat dimanfaat penggunaannya oleh penduduk setempat. Butiran projek/bekalan yang lewat disiapkan/dibekalkan adalah seperti di **Jadual 1.2**.

**Jadual 1.2**

**Butiran Projek/Bekalan Lewat Disiapkan/Dibekalkan Bagi Tahun 2011 Hingga 2013**

Bil.	Butiran Projek	Kos Projek (RM)	Tarikh Patut Siap	Tarikh Patut Siap Selepas Diluluskan Lanjutan Masa	Tarikh Pengesahan Siap Kerja Oleh Kontraktor	Tempoh Kelewatan (Hari)
1.	Kerja Naik Taraf Dan Pengindahan di Kompleks CIQ Dan Kompleks Arked Niaga Padang Besar.	924,817	23.04.2012	22.06.2012	05.12.2012	166
2.	Kerja Pemasangan LCD Monitor dan Peralatan Berkaitan Di Dewan Mesra Untuk MPK.	109,800	28.02.2011	13.03.2011	03.08.2011	143
3.	Kerja-kerja Membina Dan Menyiapkan 4 Unit Gerai Di Jalan Rani Estate, Arau, Perlis.	222,881	27.8.2013	03.09.2013	23.12.2013	111
4.	Kerja-kerja Membina Dan Menyiapkan Sebuah Pasar Arau.	6,466,807	05.12.2012	30.09.2013	Belum Siap	*92
5.	Kerja-kerja Membina Dan Menyiapkan 6 Unit Gerai Di RPA Mata Ayer, Mata Ayer, Perlis.	91,000	26.09.2011	-	30.11.2011	65
6.	Kerja-kerja Membina 10 Unit Gerai Makan Di Medan Penjaja Repoh, Kangar, Perlis.	123,929	16.05.2012	-	25.06.2012	40
7.	Kerja-kerja Membina Dan Menyiapkan Satu Unit Tandas Awam Di Pekan Simpang Empat, Perlis.	66,780	10.10.2011	28.10.2011	29.11.2011	32
8.	Kerja-kerja Menaiktaraf Longkang Di Pekan Padang Besar, Perlis (Kawasan Arked Niaga, Gapura Square Dan Jalan Sadao Lama).	33,780	09.09.2013	-	11.10.2013	32
<b>Jumlah</b>		<b>8,039,794</b>				

Sumber: Jabatan Audit Negara

\* Nota: Kelewatan dikira sehingga 31 Disember 2013

**1.4.1.3. Dalam maklum balas bertarikh 31 Mac 2014 dan exit conference yang diadakan pada 10 April 2014, Majlis mengakui berlakunya kelewatan dalam menyiapkan kerja-kerja pembinaan dan bekalan. Sijil Perakuan Siap Kerja bagi semua perolehan kerja akan disediakan mulai tahun 2014.**

Pada pendapat Audit, keseluruhan pengurusan kerja-kerja pembinaan, penyenggaraan dan bekalan yang dilaksanakan oleh Majlis adalah memuaskan.

## 1.4.2. Kerja Tidak Berkualiti / Tidak Mengikut Spesifikasi

**1.4.2.1.** Pelaksanaan projek yang melibatkan kerja pembinaan hendaklah berkualiti dan bermutu selaras dengan perjanjian kontrak berkaitan senarai kuantiti, lukisan pelan dan spesifikasi kerja ditetapkan. Lawatan Audit ke 40 tapak projek yang dipilih mendapati 7 daripadanya tidak dilaksanakan mengikut spesifikasi dan kualiti pembinaan dengan baik. Keadaan ini berlaku disebabkan Majlis tidak menjalankan pemantauan secara berkala dan menyeluruh semasa kerja-kerja pembinaan sedang dijalankan dan boleh mengakibatkan Majlis menanggung kos tambahan untuk kerja-kerja pembaikan semula. Selain itu, kecacatan pada struktur asas bangunan juga boleh membahayakan keselamatan pengguna. Projek berkenaan adalah seperti di **Jadual 1.3**.

**Jadual 1.3**

Projek Pembinaan Yang Tidak Berkualiti / Tidak Mengikut Spesifikasi Ditetapkan

Bil.	Butiran Projek	Keadaan fizikal	Kos Projek (RM)
1.	Membina Dan Menyiapkan Tandas Awam Di Kawasan Dataran 350, Kangar, Perlis.	a. Tiang dan lantai kaki lima tandas retak seperti di <b>Gambar 1.1</b> . b. Pemasangan bumbung dan jubin dinding luar tidak kemas.	89,169
2.	Kerja-kerja Menaiktaraf Longkang Di Pekan Padang Besar, Perlis (Kawasan Arked Niaga, Gapura Square dan Jalan Sadao Lama).	a. Kerja lepaan simen pada penyambung antara longkang tidak berkualiti. Tindakan membaikpulih telah diambil selepas teguran Audit. b. Kerja pemasangan longkang tidak berkualiti dan tidak kemas. Tindakan membaikpulih telah diambil selepas teguran Audit. c. Tidak membersih dan mengangkat keluar sisa binaan dari tapak projek.	33,780
3.	Kerja-kerja Membaikpulih Bumbung Serta Menaiktaraf Sistem Bekalan Air Di Gerai Dataran Terinai Tasoh.	a. Cat bumbung tidak berkualiti dan luntur selepas 14 bulan kerja membaikpulih dilakukan seperti di <b>Gambar 1.2</b> . b. Pemasangan bumbung zink tidak kemas.	46,300
4.	Kerja-kerja Membina Dan Menyiapkan Enam Unit Gerai Di RPA Mata Ayer, Mata Ayer, Perlis.	Kerja pemasangan longkang tidak kemas dan tidak berkualiti.	91,000
5.	Kerja-kerja Membina Penutup Longkang Di Taman Hijrah Dan Kerja-Kerja Berkaitan.	Kerja pemasangan penutup besi tidak dilakukan dengan sempurna seperti di <b>Gambar 1.3</b> .	170,142
6.	Menaik Taraf Dan Pengindahan Di Kompleks CIQ Dan Kompleks Arked Niaga Padang Besar.	a. Tangga dan <i>platform</i> Mercu Tanda Padang Besar rosak dan lampu di dataran tersebut pecah. b. <i>Handrailing</i> dipasang bengkok. c. Pendawaian elektrik dibiarakan dan tidak dikemaskan.	924,817
7.	Kerja Penyenggaraan Prasarana Pelancongan (Menceriakan Di Pintu Masuk) Pos Imigresen Wang Kelian Perlis.	a. Terdapat retakan di tapak tulisan Wang Kelian dan tulisan Wang Kelian juga telah rosak. b. Kerja membina dan memasang kotak bunga dengan kemasan <i>stacked stone</i> dan <i>pebble wash</i> tidak berkualiti. c. Kerja dan bekalan berjumlah RM16,030 tidak dilaksanakan.	200,000
<b>Jumlah</b>			<b>1,555,208</b>

Sumber: Jabatan Audit Negara

**Gambar 1.1**  
**Keadaan Tiang Yang Retak**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Tandas di Dataran Dato' Sheikh Ahmad  
Tarikh: 1 November 2013

**Gambar 1.2**  
**Keadaan Cat / Warna Bumbung**  
**Yang Telah Lusuh Dan Pudar Setelah 14 Bulan Dicat**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Dataran Terinai  
Tarikh: 31 Oktober 2013

Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Dataran Terinai  
Tarikh: 31 Oktober 2013

**Gambar 1.3**  
**Keadaan Longkang Yang Tidak Ditutup Dengan Sempurna**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Taman Hijrah  
Tarikh: 11 November 2013

Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Taman Hijrah  
Tarikh: 11 November 2013

**1.4.2.2. Dalam maklum balas bertarikh 31 Mac 2014 dan exit conference yang diadakan pada 10 April 2014, Majlis memaklumkan:**

- a. Lantai apron bagi tandas awam di Dataran 350 Kangar adalah dari jenis *non-suspended*. Ia terletak di atas tanah dan tidak bergantung kepada struktur bangunan. Keretakan lantai disebabkan oleh pemendapan tanah. Kerja-kerja pembaikan akan dilakukan terhadap lain-lain kerosakan yang berlaku.
- b. Majlis ada membuat pemantauan semasa kerja-kerja menaiktaraf longkang di Pekan Padang Besar sedang dijalankan. Kontraktor didapati menggunakan tenaga kerja kurang mahir yang menyebabkan hasil kerja kurang memuaskan.
- c. Kontraktor yang memasang atap gerai di Dataran Terinai Tasoh gagal mendapatkan jenis atap yang bersamaan. Faktor cuaca menyebabkan warna atap luntur. Bagaimanapun, tiada kebocoran bumbung berlaku sewaktu hari hujan.
- d. Kerosakan hanya berlaku pada sisi luar longkang di Gerai RPA Mata Ayer dan tidak mengganggu aliran air. Bagaimanapun, kerja-kerja penyenggaraan dan pembaikan akan dijalankan.
- e. Berlaku kecurian penutup longkang di Taman Hijrah setelah projek pemasangan siap dijalankan. Kerja-kerja penggantian akan dijalankan dan memastikan kecurian tidak berulang.
- f. Kerosakan yang berlaku pada Dataran Mercu Tanda Padang Besar di Kompleks CIQ Dan Kompleks Arked Niaga Padang Besar disebabkan vandalisme. Majlis akan mengambil tindakan pembaikan dan penggantian.
- g. Kerosakan yang berlaku di tapak Prasarana Pelancongan Pos Imigresen Wang Kelian disebabkan hakisan aliran air hujan. Majlis akan melakukan kerja-kerja pembaikan dan penggantian. Siasatan akan dijalankan terhadap kerja dan bekalan berjumlah RM16,030 yang tidak dilaksanakan.

Pada pendapat Audit, kualiti kerja pembinaan yang dilaksanakan adalah kurang memuaskan. Mutu kerja yang rendah dan tidak kemas serta penyediaan skop kerja yang tidak menyeluruh boleh menyebabkan kerugian kepada Kerajaan kerana terpaksa menanggung perbelanjaan tambahan bagi tujuan penyenggaraan dan pengubahsuaian.

### **1.4.3. Bangunan/Premis/Peralatan/Bekalan Tidak Digunakan/Tidak Digunakan Secara Optimum**

**1.4.3.1.** Pegawai Pengawal perlu memastikan pengurusan bekalan/kerja/perkhidmatan dikendalikan berdasarkan sistem kawalan dalaman yang kukuh dan mengikut peraturan kewangan yang telah ditetapkan serta digunakan secara optimum. Menjadi amalan pengurusan yang baik untuk memastikan perolehan dibuat mempunyai *value for money*. Lawatan Audit ke 40 tapak projek pembinaan dan penyenggaraan mendapati 2 daripada bangunan/perolehan bekalan projek tersebut tidak digunakan dan 5 bangunan/premis projek tidak digunakan secara optimum. Keadaan ini berlaku disebabkan kajian awal diperingkat perancangan projek tidak dijalankan mengakibatkan kemudahan lewat dimanfaatkan/tidak dimanfaatkan secara optimum. Butiran projek adalah seperti di **Jadual 1.4** dan perenggan yang berikutnya:

**Jadual 1.4**  
**Projek Yang Tidak Digunakan / Tidak Digunakan Secara Optimum**

Bil.	Butiran Projek	Keadaan Fizikal	Kos Projek (RM)
1.	Membina Dan Menyiapkan Tandas Awam Di Kawasan Dataran 350, Kangar, Perlis.	Tandas yang siap dibina pada 20 Disember 2012 belum pernah beroperasi atau dibuka untuk kegunaan orang awam seperti di <b>Gambar 1.4</b> .	89,169
2.	Membekal LCD Monitor Dan Peralatan Berkaitan.	19 LCD monitor tidak digunakan selepas perolehan monitor jenis skrin sentuh dibuat bagi mengantikannya.	109,800
3.	Kerja Penyenggaraan Di Dataran Terinai.	Hanya 4 daripada 28 gerai yang dibina telah disewakan. Bagaimanapun, hanya satu gerai sahaja yang beroperasi. Baki 24 gerai tidak disewakan disebabkan mengalami kerosakan.	72,700
4.	Kerja Membina Dan Menaik Taraf Pasar Pekan Simpang Empat, Perlis.	12 unit meja jualan baharu dibina yang hanya dibenar digunakan untuk sesi perniagaan petang sahaja seperti di <b>Gambar 1.5</b> .	277,300
5.	Kerja Membina Dan Menyiapkan Satu Unit Tandas Awam di Pekan Simpang Empat, Perlis.	Tandas untuk Orang Kurang Upaya dijadikan stor oleh Pengusaha Pencucian seperti di <b>Gambar 1.6</b> .	66,780
6.	Kerja Membina Dan Menaiktaraf Pondok-Pondok Bas Dan Teksi Di Dalam Kawasan Majlis.	Pondok bas jarang digunakan penduduk disebabkan jadual perkhidmatan bas yang terhad.	120,900
<b>Jumlah</b>			<b>785,345</b>


Sumber: Jabatan Audit Negara

**Gambar 1.4**  
Keadaan Tandas Awam Yang Tidak Beroperasi (Pandangan Sisi)



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Dataran Dato' Sheikh Ahmad  
Tarikh: 1 November 2013

**Gambar 1.5**  
Meja Jualan Baharu Yang Hanya Dibenar Digunakan Untuk Sesi Perniagaan Petang Sahaja



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Pasar Pekan Simpang Empat  
Tarikh: 28 Oktober 2013

**Gambar 1.6**  
Keadaan Tandas Orang Kurang Upaya Yang Tidak Digunakan Dan Dijadikan Bilik Stor



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Tandas Pekan Simpang Empat  
Tarikh: 28 Oktober 2013



**1.4.3.2. Dalam maklum balas bertarikh 31 Mac 2014 dan exit conference yang diadakan pada 10 April 2014, Majlis memaklumkan:**

- Tandas awam di Dataran Dato' Sheikh Ahmad tidak dibuka untuk kegunaan orang awam disebabkan akan dinaiktarafkan sebagai Bilik Rehat VIP dan Bilik Urusetia bagi Pertandingan Woodball.**
- 19 buah LCD Monitor akan digunakan untuk latihan komputer, stok penggantian jika berlaku kerosakan monitor pegawai dan untuk aktiviti luar.**
- Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang bermesyuarat pada bulan Februari 2014 bersetuju supaya Majlis menaiktaraf gerai di Dataran Terinai Tasoh untuk dijadikan bilik penginapan dan pusat setempat bagi Rehat Dan Rawat (R&R).**

- d. Tambahan 12 meja jualan yang baharu dibina di Pasar Pekan Simpang Empat disewa kepada peniaga untuk beroperasi pada sesi perniagaan petang manakala 12 meja jualan sedia ada untuk sesi perniagaan pagi sahaja. Kemudahan tambahan disediakan bagi mengelakkan perbalahan meja jualan sesama peniaga.
- e. Majlis akan mengeluarkan arahan kepada Pengendali Tandas untuk mengosongkan tandas Orang Kurang Upaya supaya ia dapat digunakan.
- f. Pembinaan dan baikpulih pondok bas dijalankan berdasarkan permohonan yang diterima daripada Jawatankuasa Kemajuan Dan Keselamatan Kampung (JKKK) dan penduduk tempatan.

Pada pendapat Audit, Majlis wajar meningkatkan penggunaan kemudahan yang disediakan untuk mengelakkan pembaziran.

#### 1.4.4. Infrastruktur Dan Kemudahan Awam Tidak Disenggara

1.4.4.1. Kemudahan awam perlu diperiksa dan disenggara secara berkala untuk memastikan ia berfungsi dengan sempurna dan selamat digunakan, memanjangkan jangka hayat, meningkatkan keupayaan penggunaan, mengurangkan kerosakan dan menjimatkan kos penyenggaraan. Pemeriksaan Audit mendapati 5 daripada 40 projek yang dilawati telah mengalami kerosakan disebabkan Majlis tidak membuat penyenggaraan secara berkala. Keadaan ini boleh membahayakan pengguna. Butiran projek adalah seperti di **Jadual 1.5** dan perenggan yang berikutnya.

**Jadual 1.5**

Projek Infrastruktur Awam Yang Tidak Disenggara Secara Berkala

Bil.	Butiran Projek	Keadaan Fizikal	Jumlah Kos (RM)
1.	Kerja-kerja Membersih Dan Membapkulih Dataran Terinai. Kerja disiapkan pada 14 Ogos 2012. Dataran Terinai siap dibina pada tahun 2005.	a. Lantai dataran, gerai jualan dan tandas rosak seperti di <b>Gambar 1.7</b> hingga <b>Gambar 1.9</b> . b. Struktur bangunan retak.	72,700
2.	Kerja-Kerja Membina Dan Menyiapkan Satu Unit Tandas Awam Di Pekan Simpang Empat, Simpang Empat, Perlis. Kerja disiapkan pada 5 Disember 2011.	Sebuah bilik tandas di bahagian perempuan rosak.	66,780
3.	Kerja Membina Penutup Longkang Di Taman Hijrah Dan Kerja Berkaitan. Kerja disiapkan pada 21 Disember 2011.	Penutup longkang pecah dan rosak.	170,142
4.	Kerja-Kerja Menaiktaraf Pentas Di Dataran Dato' Sheikh Ahmad, Kangar Perlis. Kerja disiapkan pada 25 Disember 2011.	2 buah bilik persalinan kotor, berbau busuk dan sebuah bilik kunci pintu rosak seperti di <b>Gambar 1.10</b> dan <b>Gambar 1.11</b> .	173,126
5.	Kerja Penyenggaraan Prasarana Pelancongan (Menceriakan Di Pintu Masuk) Pos Imigresen Wang Kelian Perlis. Kerja disiapkan pada 3 April 2012.	Longkang di tepi Dataran Wang Kelian tidak disenggara menyebabkan sump tersumbat dan melambatkan aliran air sewaktu hujan seperti di <b>Gambar 1.12</b> .	200,000
<b>Jumlah</b>			<b>682,748</b>

Sumber: Jabatan Audit Negara

**Gambar 1.7**  
**Keadaan Lantai Kayu Dataran**  
**Yang Telah Rosak Dan Reput**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Dataran Terinai  
Tarikh: 31 Oktober 2013

**Gambar 1.8**  
**Keadaan Pintu Gerai**  
**Yang Rosak**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Dataran Terinai  
Tarikh: 31 Oktober 2013

**Gambar 1.9**  
**Keadaan Struktur Tiang Bangunan Yang Retak**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Dataran Terinai  
Tarikh: 31 Oktober 2013



**Gambar 1.10**  
**Keadaan Bilik Persalinan No. 1 Yang**  
**Kotor Dan Berbau Busuk**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Pentas Dataran Dato' Sheikh Ahmad  
Tarikh: 1 November 2013

**Gambar 1.11**  
**Keadaan Bilik Persalinan No. 2**  
**Yang Kotor, Berbau Busuk Dan**  
**Kunci Pintu Rosak**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Pentas Dataran Dato' Sheikh Ahmad  
Tarikh: 1 November 2013



**Gambar 1.12  
Keadaan Longkang Di Tepi Dataran Wang Kelian Yang Tidak Disenggara Dipenuhi Sampah**

Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Dataran Wang Kelian  
Tarikh: 8 Januari 2014

**1.4.4.2. Dalam maklum balas bertarikh 31 Mac 2014 dan exit conference yang diadakan pada 10 April 2014, Majlis akan mengambil tindakan membaikpulih dan menyenggara perkara yang dibangkitkan, bergantung kepada peruntukan kewangan diluluskan. Keretakan yang berlaku pada bangunan di Dataran Terinai tidak melibatkan struktur bangunan, tetapi hanya lapisan luar tiang sahaja.**

Pada pendapat Audit, penyenggaraan yang tidak dibuat secara berjadual telah menyebabkan kemudahan awam yang disediakan rosak, kotor, tidak berfungsi dengan baik dan membahayakan keselamatan pengguna.

#### **1.4.5. Kerja Telah Dipecah Kecil Bagi Mengelak Perolehan Secara Sebut Harga**

Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2009 menghendaki perolehan kerja yang bernilai RM20,000 hingga RM500,000, manakala perolehan bekalan/perkhidmatan bernilai RM50,000 hingga RM500,000 setahun atau sesuatu kontrak, dilaksanakan secara sebut harga. Majlis dilarang memecah kecilkan perolehan bagi mengelakkan ia dibuat secara sebut harga. Kerja-kerja pecahkecil bermaksud pelaksanaan perolehan bagi skop/aktiviti/jenis kerja yang sama atau berkaitan, masa/tarikh yang sama atau berdekatan, kawasan yang sama atau berdekatan tidak kira syarikat/kontraktor yang sama atau tidak. Pengauditan yang dijalankan mendapati:

##### **1.4.5.1. Kerja-Kerja Pembinaan Di Medan Selera Repoh Berjumlah RM144,762 Dijalankan Oleh 3 Kontraktor Yang Berlainan**

- a. Majlis telah melantik 3 kontraktor yang berlainan untuk menjalankan kerja-kerja membina 10 unit gerai makan, membina bumbung dan menyiapkan dinding batu bata di Medan Selera Repoh secara sebut harga dan pemberian terus. Semakan Audit terhadap senarai kuantiti mendapati skop kerja adalah sama iaitu berkaitan kerja bagi 10 gerai di tempat yang sama dan dalam tempoh masa yang berdekatan. Jumlah kos keseluruhan projek pembinaan adalah RM144,762. Butiran projek adalah seperti di **Jadual 1.6**.

**Jadual 1.6**  
**Butiran Kerja Yang Dilaksanakan Di Medan Selera Repoh**

Bil.	Butiran Projek	Tarikh Siap Kerja Oleh Kontraktor	Tarikh Perakuan Siap Kerja Oleh Majlis	Jumlah Tuntutan (RM)
1.	Kerja-kerja Membina 10 Unit Gerai Makan Di Medan Penjaja Repoh ( perolehan secara sebut harga )	25.06.2012	18.07.2012	123,929
2.	Kerja-kerja Membina Binaan Bumbung Dan Papan Tanda Di Gerai ( perolehan secara pemberian terus )	28.09.2012	10.10.2012	17,041
3.	Membina Dan Menyiapkan Dinding Batu Batu Serta Kerja-kerja Berkaitan Longkang ( perolehan secara pemberian terus )	10.10.2012	15.10.2012	3,792
<b>Jumlah</b>				<b>144,762</b>

Sumber: Jabatan Audit Negara

- b. Semakan Audit terhadap rekod, fail dan laporan bergambar projek berkenaan mendapati kerja-kerja pembinaan bumbung dan dinding batu-bata telah dijalankan pada tarikh, masa dan lokasi yang sama oleh pekerja, peralatan dan jentera yang sama. Bagaimanapun, tuntutan bayaran kerja dibuat oleh 2 kontraktor yang telah dilantik dengan tarikh perakuan siap kerja dan jumlah tuntutan yang berlainan. Semakan lanjut mendapati Majlis tidak memohon kelulusan Pegawai Kewangan Negeri untuk memecahkecil kerja-kerja tersebut. Keadaan gerai sebelum pembinaan, semasa kerja pembinaan dinding dan bumbung dilaksanakan dan keadaan gerai yang telah siap dibina adalah seperti di **Gambar 1.13** hingga **Gambar 1.15**.

**Gambar 1.13**  
**Keadaan Gerai Sebelum Pembinaan Dijalankan**



Sumber: Majlis Perbandaran Kangar  
Lokasi: Medan Selera Repoh  
Tarikh: Oktober 2012

**Gambar 1.14**  
**Keadaan Gerai Semasa Kerja Pembinaan Dinding Dan Bumbung Dijalankan**



Sumber: Majlis Perbandaran Kangar  
Lokasi: Medan Selera Repoh  
Tarikh: Oktober 2012



**Gambar 1.15  
Keadaan Gerai Selepas Pembinaan Dinding Dan Penambahan Kerja Bumbung**

Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Medan Selera Repoh  
Tarikh: 30 Oktober 2013

- c. **Dalam maklum balas bertarikh 31 Mac 2014 dan exit conference yang diadakan pada 10 April 2014, Majlis memaklumkan kerja-kerja membina bumbung tambahan dibuat setelah mendapat permohonan daripada peniaga bagi mengelak gerai dimasuki air hujan. Kerja-kerja membaiki longkang dibuat kemudiannya bagi mengelak runtuhan tanah berlaku.**
- d. Pada bulan Mac 2013, Majlis telah memecahkecilkan perolehan bagi kerja-kerja membekal dan menyiapkan pemasangan sistem bekalan air di 10 buah gerai di Medan Selera Repoh dengan keseluruhan kos berjumlah RM29,080. Kerja tersebut telah dijalankan oleh 2 kontraktor yang dilantik. Semakan lanjut mendapati Majlis tidak memohon kelulusan Pegawai Kewangan Negeri untuk pecahkecil kerja-kerja tersebut. Butiran projek adalah seperti di **Jadual 1.7**.

**Jadual 1.7  
Butiran Projek Membekal dan Menyiapkan  
Pemasangan Sistem Bekalan Air 10 Buah Gerai Di Medan Selera Repoh**

Bil.	Butiran Projek	Tarikh Siap Kerja Oleh Kontraktor	Tarikh Perakuan Siap Kerja Oleh Majlis	Jumlah Tuntutan (RM)
1.	Kerja-kerja Membekal dan Menyiapkan Pemasangan Sistem Bekalan Air Dari Paip Bekalan Utama Ke Gerai No. 1,2,3 dan 4 Di Dataran Repoh.	28.03.2013	09.04.2013	10,204
2.	Kerja-kerja Membekal dan Menyiapkan Pemasangan Sistem Bekalan Air Dari Paip Bekalan Utama Ke Gerai No. 5,6,7,8, 9 dan 10 Di Dataran Repoh.	26.03.2013	09.04.2013	18,876
<b>Jumlah</b>				<b>29,080</b>

Sumber: Jabatan Audit Negara

- e. Semakan Audit terhadap dokumen tuntutan bayaran oleh kedua-dua Kontraktor mendapati kerja-kerja tersebut telah dilakukan oleh Kontraktor yang sama. Berdasarkan gambar yang dikepilkhan bersama, kerja-kerja tersebut telah dijalankan pada tarikh, masa, peralatan, jentera dan pekerja yang sama adalah seperti di **Gambar 1.16** hingga **Gambar 1.21**.

**Gambar 1.16**  
**Keadaan Kerja-kerja Pemasangan Sistem Paip Bekalan Air Tuntutan Kontraktor (Kontraktor A)**



Sumber: Majlis Perbandaran Kangar  
Lokasi: Medan Selera Repoh

**Gambar 1.17**  
**Keadaan Kerja-kerja Pemasangan Sistem Paip Bekalan Air Tuntutan Kontraktor (Kontraktor B)**



Sumber: Majlis Perbandaran Kangar  
Lokasi: Medan Selera Repoh

**Gambar 1.18**  
**Keadaan Kerja-kerja Pemasangan Sistem Paip Bekalan Air Tuntutan Kontraktor (Kontraktor A)**



Sumber: Majlis Perbandaran Kangar  
Lokasi: Medan Selera Repoh

**Gambar 1.19**  
**Keadaan Kerja-kerja Pemasangan Sistem Paip Bekalan Air Tuntutan Kontraktor (Kontraktor B)**



Sumber: Majlis Perbandaran Kangar  
Lokasi: Medan Selera Repoh

**Gambar 1.20**  
**Jentera Yang Digunakan Oleh Kontraktor A**



Sumber: Majlis Perbandaran Kangar  
Lokasi: Medan Selera Repoh

**Gambar 1.21**  
**Jentera Yang Digunakan Oleh Kontraktor B**



Sumber: Majlis Perbandaran Kangar  
Lokasi: Medan Selera Repoh

- f. **Maklum balas diterima semasa exit conference yang diadakan pada 10 April 2014, Majlis mengesahkan kerja-kerja membekal dan menyiapkan pemasangan sistem bekalan air tersebut dijalankan oleh 2 kontraktor yang berlainan dalam tempoh waktu yang sama. Pegawai telah diarahkan untuk melantik kontraktor bagi menjalankan kerja-kerja tersebut di 6 buah gerai. Setelah proses lantikan selesai dijalankan, pegawai kemudiannya telah diarahkan untuk melantik kontraktor lain bagi kerja yang sama di 4 buah gerai lagi. Perolehan secara sebut harga tidak dibuat disebabkan pegawai menerima arahan pada tarikh berbeza.**

Pada pendapat Audit, perancangan yang tidak menyeluruh dan sistematik telah menyebabkan perolehan kerja tidak dibuat secara sebut harga. Walaupun kerja tambahan dilaksanakan setelah mendapat permohonan/arahan daripada peniaga/Ketua Jabatan, ia didapati berlaku di tapak projek yang sama dan dalam jarak masa yang hampir dengan kerja asal dijalankan.

#### **1.4.6. Pembinaan Kurang Sempurna**

Perancangan yang teliti terhadap aspek reka bentuk dan persekitaran adalah penting bagi memastikan projek Kerajaan dapat berfungsi dengan baik dalam memenuhi tujuan dan keperluan sebenar pelaksanaannya. Lawatan Audit mendapati beberapa kelemahan dari segi pembinaan kurang sempurna yang akhirnya mengakibatkan Majlis menanggung tambahan kos untuk pembinaan, penyenggaraan dan baik pulih adalah seperti berikut:

##### **1.4.6.1. Longkang Terhakis**

- a. Lawatan Audit ke Projek Menaiktaraf Longkang di Dataran Arked Niaga Padang Besar pada 31 Oktober 2013 mendapati terdapat kesan hakisan tanah pada bahagian tepi longkang ‘V’ disebabkan oleh aliran air hujan. Hakisan tersebut telah menyebabkan tanah dan batu-batu kecil masuk ke dalam longkang. Keadaan tersebut disebabkan tembok penghadang (*retaining wall*) yang dibina tidak cukup panjang dan tinggi untuk menghalang tanah dan batu-batu kecil daripada memasuki longkang. Keadaan kesan hakisan dan tembok penghadang yang dibina seperti di **Gambar 1.22** dan **Gambar 1.23**.

**Gambar 1.22**  
**Sebahagian Longkang**  
**Tidak Mempunyai Tembok Penghadang**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Dataran Arked Niaga Padang Besar  
Tarikh: 31 Oktober 2013

**Gambar 1.23**  
**Ketinggian Tembok Penghadang**  
**Tidak Mencukupi**




Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Dataran Arked Niaga Padang Besar  
Tarikh: 31 Oktober 2013

- b. **Dalam maklum balas bertarikh 31 Mac 2014, Majlis memaklumkan Kontraktor telah melakukan kesilapan di peringkat awal dengan mengorek tebing untuk membina longkang tanpa berbincang dengan Majlis. Kontraktor kemudiannya telah diarah menjalankan kerja tambahan untuk membina tembok penghadang. Penggunaan tenaga kerja kurang mahir menyebabkan kualiti kerja kurang memuaskan.**

#### 1.4.6.2. Bukaan Penghadang Tangga Terlalu Besar Di Pasar Arau

- a. Lawatan Audit ke Projek Pasar Arau pada 25 November 2013 mendapati buaan penghadang tangga di Medan Selera Terbuka di Aras Satu setinggi 0.305 meter adalah terlalu luas dan berbahaya kepada pengunjung, terutamanya kanak-kanak. Bukaan tersebut melepas saiz/ukuran biasa badan orang dewasa. Semakan Audit terhadap pelan tangga (*drawing*) mendapati tiada perincian spesifikasi dari segi ukuran dan saiz keluli ditetapkan dalam dokumen kontrak. Keadaan tersebut adalah seperti di **Gambar 1.24**.

**Gambar 1.24**  
**Keadaan Penghadang Tangga Yang Luas Bukaannya**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Pasar Arau  
Tarikh: 25 November 2013




- b. Dalam maklum balas bertarikh 31 Mac 2014 dan exit conference yang diadakan pada 10 April 2014, Majlis memaklumkan bukaan railing setinggi 0.305 meter tersebut adalah rekabentuk dan ketinggian biasa yang dibina. Majlis bersetuju mengambil tindakan untuk memasang tambahan penghadang stainless steel atas faktor keselamatan.

#### 1.4.6.3. Projek Menaik Taraf Pengindahan Di Dataran Arked Niaga Padang Besar

##### a. Surau Di Tepi Dataran Padang Besar Tidak Mempunyai Besi Penghadang


- i. Majlis siap membina sebuah surau di tepi Dataran Padang Besar pada 5 Disember 2012. Lawatan Audit pada 9 Januari 2014 mendapati besi penghadang tidak dibina di tepi bangunan surau yang terletak di atas bukit. Keadaan ini boleh membahayakan orang awam, terutamanya kanak-kanak yang boleh tergelincir jatuh ke bawah. Keadaan tersebut adalah seperti di **Gambar 1.25** dan **Gambar 1.26**.

**Gambar 1.25**  
Keadaan Tepi Surau Yang Tidak  
Mempunyai Penghadang  
(Pandangan Hadapan)



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Dataran Padang Besar  
Tarikh: 9 Januari 2014

**Gambar 1.26**  
Keadaan Tepi Surau Yang Tidak  
Mempunyai Penghadang  
(Pandangan Sisi)



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Dataran Padang Besar  
Tarikh: 9 Januari 2014

- ii. Dalam maklum balas bertarikh 31 Mac 2014, Majlis akan membina besi penghadang di sekeliling surau atas faktor keselamatan.

#### 1.4.6.4. Longkang Tidak Dibina Di Dataran MPK Wang Kelian

- a. Pihak Audit dimaklumkan semenjak pembinaan Dataran Wang Kelian, kawasan kantin berdekatan ditakungi air setiap kali berlakunya hujan lebat disebabkan pembinaan dataran tersebut tidak mengambil kira pembinaan longkang. Longkang sedia ada di tepi dataran pula tidak berfungsi dengan baik kerana dipenuhi dengan sampah. Pegawai Imigresen, Pos Imigresen Wang Kelian telah mengambil tindakan dengan memohon peruntukan daripada Kementerian Pelancongan Malaysia

(Kementerian) untuk membina longkang tambahan bagi mengatasi masalah tersebut pada 7 Januari 2013. Bagaimanapun, sehingga tarikh lawatan Audit, tiada sebarang jawapan diterima daripada Kementerian. Keadaan dataran sewaktu berlakunya hujan lebat adalah seperti di **Gambar 1.27** hingga **Gambar 1.30**.

**Gambar 1.27**  
Dataran MPK Wang Kelian  
Setelah Dinaik Taraf



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Dataran Wang Kelian  
Tarikh: 08 Januari 2014

**Gambar 1.28**  
Keadaan Dataran MPK Wang Kelian  
Semasa Hujan Lebat



Sumber: Jabatan Imigresen  
Lokasi: Dataran Wang Kelian  
Tarikh: 17 Jun 2013

**Gambar 1.29**  
Aliran Air Hujan Dari Dataran MPK  
Wang Kelian Memasuki Kawasan Kantin



Sumber: Jabatan Imigresen  
Lokasi: Dataran Wang Kelian  
Tarikh: 17 Jun 2013

**Gambar 1.30**  
Aliran Air Hujan Dari Dataran MPK  
Wang Kelian Memasuki Kawasan Kantin



Sumber: Jabatan Imigresen  
Lokasi: Dataran Wang Kelian  
Tarikh: 17 Jun 2013

- b. **Dalam maklum balas bertarikh 31 Mac 2014 dan exit conference yang diadakan pada 10 April 2014, Majlis memaklumkan kerja-kerja membaikpulih dan menutup longkang tidak dijalankan disebabkan peruntukan kewangan yang diterima daripada Kementerian Pelancongan Malaysia tidak mencukupi. Kerja-kerja tersebut akan dijalankan sebaik sahaja permohonan peruntukan kewangan tambahan diluluskan.**

**Pada pendapat Audit, perancangan kerja perlu dibuat secara menyeluruh bagi binaan/rekabentuk sesebuah projek dengan mengambil kira aspek keselamatan dan keselesaan pengguna semasa penyediaan lukisan kerja.**

#### **1.4.7. Kelemahan Perancangan Kerja Perolehan**

**1.4.7.1.** Surat Ketua Setiausaha Perbendaharaan S/K.KEW/PK/PP/1100/000000/10/31 JLD.23 SK.9 (26) bertarikh 24 April 2008 menjelaskan mengenai pentingnya aspek perancangan perolehan Kerajaan. Perkara yang perlu diberi perhatian adalah seperti menyediakan jadual proses sebut harga/tender dan jadual pelaksanaan khusus setiap perolehan. Perancangan perolehan yang baik dapat mengawal kos dan menangani masalah yang timbul dengan baik dan berkesan semasa pelaksanaannya.

**1.4.7.2.** Semakan Audit terhadap fail projek Medan Selera Repoh mendapati kerja-kerja pembinaan sebuah tandas telah diberhentikan pembinaanya dan dirobohkan selepas mendapat arahan daripada Yang Di Pertua Majlis secara lisan pada 20 Oktober 2012 kerana dibina di atas tanah milik individu. Majlis telah membayar kepada Kontraktor sejumlah RM9,947 bagi kerja-kerja yang telah dilaksanakan. Majlis kemudiannya telah membina sebuah tandas dengan kos RM15,872 dan disiapkan pada 19 Mei 2013. Kemudiannya, sebuah tandas sedia ada telah dinaiktaraf sebagai kiosk dan disiapkan pada 2 Disember 2013 dengan kos RM14,880. Butiran projek adalah seperti di **Jadual 1.8.**


**Jadual 1.8**  
**Butiran Kerja Di Medan Selera Repoh**

Bil.	Butiran Projek	Tarikh Siap Kerja	Kos Projek (RM)
1.	Kerja-kerja Membina Tandas Di Kawasan Lapang Bersebelahan Medan Penjaja Repoh (telah diruntuhkan disebabkan dibina di atas tanah individu).	20.10.2012	9,947
2.	Kerja-kerja Membina Tandas Di Medan Penjaja Repoh.	19.05.2013	15,872
3.	Kerja-Kerja Menaiktaraf Tandas Sedia Ada Untuk Dijadikan Kiosk Di Medan Selera Repoh.	02.12.2013	14,880
<b>Jumlah</b>			<b>40,699</b>

Sumber: Jabatan Audit Negara

**1.4.7.3.** Ketiadaan perancangan yang teliti dan semakan terperinci berkenaan hak milik tanah untuk sesuatu binaan menyebabkan Majlis menanggung kerugian berjumlah RM9,947. Pembinaan bangunan gerai berhampiran dengan sebuah tandas sedia ada juga telah menyebabkan tandas tersebut terpaksa dinaiktarafkan sebagai kiosk. Sebuah tandas baru telah dibina bagi menggantikan tandas yang dinaiktarafkan tersebut. Kos membina dan menaiktaraf tandas-tandas tersebut, termasuk binaan tandas yang dirobohkan, berjumlah RM40,699. Tandas dan kiosk berkenaan adalah seperti di **Gambar 1.31 hingga Gambar 1.33**.

**Gambar 1.31**  
**Keadaan Tandas Yang Sedang Dibina**  
**Di Atas Tanah Orang Awam Dan Telah**  
**Dirobohkan**



Sumber: Majlis Perbandaran Kangar  
Lokasi: Medan Selera Repoh

**Gambar 1.32**  
**Tandas Yang Siap Dinaiktaraft**  
**Sebagai Kiosk**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Medan Selera Repoh  
Tarikh: 30 Oktober 2013



**Gambar 1.33**  
**Tandas Yang Baharu Siap Dibina**

Sumber: Majlis Perbandaran Kangar  
Lokasi: Medan Selera Repoh  
Tarikh: 30 Oktober 2013

**1.4.7.4. Dalam maklum balas bertarikh 31 Mac 2014, Majlis mengakui berlakunya kesilapan semasa menentukan pelan tata letak tanah yang disediakan oleh Bahagian Pengurusan Harta Majlis sehingga menyebabkan pembinaan dijalankan di atas tanah milik individu. Tandas dinaiktaraftkan sebagai kiosk disebabkan ia terletak terlalu hampir dengan gerai makan yang baru dibina.**

#### **1.4.8. Harga Perolehan Yang Tidak Munasabah**

**1.4.8.1.** Majlis telah membina sebuah pondok teksi di Pekan Simpang Empat pada 12 April 2013 dengan kos sejumlah RM14,900 yang melibatkan kerja-kerja meroboh pondok/tapak sedia ada, membina kerangka besi, kerja-kerja konkrit dan membekal 2 buah kerusi besi. Kos membekal 2 buah kerusi besi tersebut berjumlah RM2,500.

**1.4.8.2.** Semakan dan pemeriksaan Audit mendapati kos membekal kerusi besi ini adalah tidak munasabah. Pihak Audit telah membuat kajian pasaran harga di 2 buah syarikat yang boleh membekalkan kerusi besi seumpamanya. Berdasarkan sebut harga yang diperoleh daripada 2 pembekal, harga pasaran termasuk kos penghantaran ke Pekan Simpang Empat bagi sebuah kerusi besi berkenaan berjumlah RM380, berbanding

RM1,250 harga sebuah kerusi yang dibayar oleh Majlis. Kerusi besi dan sebut harga yang diperoleh daripada 2 pembekal berkenaan seperti di **Gambar 1.34** hingga **Gambar 1.36**.


**Gambar 1.34**  
**Kerusi Besi Yang Dibekalkan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Pondok Teksi Simpang Empat  
Tarikh: 28 Oktober 2013


Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Pondok Teksi Simpang Empat  
Tarikh: 28 Oktober 2013

**Gambar 1.35**  
**Anggaran Harga Kerusi Besi**  
**Yang Boleh Dibekalkan**



Sumber: Jabatan Audit Negara

**Gambar 1.36**  
**Anggaran Harga Kerusi Besi**  
**Yang Boleh Dibekalkan**



Sumber: Jabatan Audit Negara

**1.4.8.3. Dalam maklum balas bertarikh 31 Mac 2014, Majlis memaklumkan berlaku kesilapan semasa penilaian dibuat oleh pegawaiannya. Mulai tahun 2014, semua perolehan akan diuruskan oleh Unit Perolehan Majlis.**

#### 1.4.9. Pengurusan Perolehan Tidak Mengikut Peraturan

**1.4.9.1.** Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2009 menetapkan bahawa perolehan bekalan dan perkhidmatan yang bernilai melebihi RM50,000 hingga RM500,000 dan perolehan kerja yang tidak menggunakan Jadual Kadar bernilai melebihi RM20,000 hingga RM500,000 hendaklah dilaksanakan secara sebut harga. Jawatankuasa Penilaian Teknikal dan Jawatankuasa Penilaian Harga Sebut Harga hendaklah dilantik secara bertulis. Sekiranya perolehan bekalan/perkhidmatan tidak kompleks, adalah memadai jika menujuhkan Jawatankuasa Penilaian sahaja.

**1.4.9.2.** Semakan Audit mendapati Jawatankuasa Penilaian Teknikal dan Jawatankuasa Penilaian Harga tidak dilantik bagi sebut harga MPK.Ps 06/884 dan MPK.Ps. 21/031. Ia berkenaan perolehan *LCD* monitor dan peralatan berkaitan yang keseluruhannya berjumlah RM191,450. Pemilihan kontraktor/pembekal dibuat oleh Jawatankuasa Sebut Harga sahaja berdasarkan kertas taklimat yang disediakan oleh Urusetia. Perkara ini berlaku disebabkan pegawai Ukur Bahan di Bahagian Perolehan tidak maklum bahawa jawatankuasa tersebut perlu dilantik.

**1.4.9.3. Dalam maklum balas bertarikh 31 Mac 2014, Majlis beranggapan perolehan tersebut tidak kompleks dan tidak memerlukan penubuhan Jawatankuasa Penilaian Teknikal dan Jawatankuasa Penilaian Harga. Bagaimanapun, Majlis akan mematuhi sepenuhnya peraturan perolehan yang berkuatkuasa.**

## **1.5. SYOR AUDIT**

Bagi memastikan perolehan bekalan/perkhidmataran/kerja dapat dilaksanakan dengan teratur cekap dan berhemat serta mendapat *value for money* bagi perbelanjaan wang awam yang dibelanjakan, Majlis adalah disyorkan mempertimbangkan perkara berikut:

- 1.5.1.** Memastikan supaya semua projek dapat disiapkan mengikut tarikh yang ditetapkan supaya projek tersebut dapat dimanfaatkan dengan segera.
- 1.5.2.** Meningkatkan pemantauan terhadap kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor bagi memastikan spesifikasi kerja dipatuhi dan projek disiapkan mengikut jadual.
- 1.5.3.** Memastikan perolehan dirancang dengan teliti supaya bekalan/perkhidmatan/kerja yang diperoleh digunakan secara optimum.
- 1.5.4.** Melaksanakan penyenggaraan kemudahan awam secara berjadual supaya ia dapat digunakan sepenuhnya.
- 1.5.5.** Menentukan cadangan reka bentuk binaan dan kesesuaian tapak telah mengambil kira aspek keselamatan pengguna.
- 1.5.6.** Memastikan proses pengurusan perolehan dibuat dengan teratur dan mematuhi peraturan dan pekeliling yang berkuatkuasa.

## **PERBADANAN KEMAJUAN EKONOMI NEGERI PERLIS**

### **2. PUTRA PALACE SDN. BHD.**

#### **2.1. LATAR BELAKANG**

**2.1.1.** Putra Palace Sdn. Bhd. (Syarikat) atau nama asalnya, Natura Rubber Tires Sdn. Bhd. ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965 pada 19 Julai 1986. Syarikat adalah sebuah syarikat subsidiari milik penuh Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis (Perbadanan) dengan modal saham dibenarkan dan berbayar masing-masingnya berjumlah RM5.0 juta. Syarikat ditubuhkan bertujuan menguruskan rangkaian hotel milik Perbadanan iaitu Hotel Putra Palace dan Hotel Putra Brasmana.

**2.1.2.** Bagi tempoh 1 Januari 2010 hingga 14 Ogos 2011, Syarikat tidak menguruskan Hotel Putra Palace apabila Perbadanan membuat keputusan menyewakannya kepada Prima Bumi Avenue Sdn. Bhd. (PBA). Keseluruhan pengurusan hotel dan kakitangan adalah di bawah tanggungjawab PBA. Perbadanan kemudiannya telah menamatkan perjanjian penyewaan tersebut dan menyerahkan kembali pengurusan Hotel Putra Palace kepada Syarikat mulai 15 Ogos 2011 dengan kadar sewaan RM45,000 sebulan. Sebelum itu, Perbadanan telah mengarahkan supaya pengurusan Hotel Putra Brasmana diserahkan kepada Hotel Brasmana Sdn. Bhd. mulai 1 Mac 2011.

**2.1.3.** Aktiviti tunggal Syarikat adalah pengurusan hotel. Perkhidmatan yang disediakan merangkumi penyewaan bilik penginapan, perkhidmatan dobi, perkhidmatan bilik ke bilik, penjualan makanan di samping pelbagai kemudahan lain seperti bilik mesyuarat, *Penthouse*, kolam renang dan jalur lebar tanpa wayar (*wifi*). Bagi tempoh 1 Mac hingga 14 Ogos 2011, Syarikat tidak menjalankan sebarang aktiviti.

**2.1.4.** Syarikat mempunyai 5 orang Ahli Lembaga Pengarah yang terdiri daripada Pengerusi dan 3 orang daripadanya adalah wakil Kerajaan Negeri Perlis serta seorang Pengarah mewakili Perbadanan. Pengurusan Syarikat diketuai oleh seorang Pengurus Besar serta dibantu 6 orang kakitangan eksekutif. Pada 31 Disember 2012, kakitangan Syarikat berjumlah 96 orang yang terdiri daripada 85 orang kakitangan tetap dan 11 orang kakitangan kontrak.

#### **2.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Pengauditan dijalankan untuk menilai sama ada prestasi kewangan Syarikat adalah memuaskan, pengurusan aktiviti dan pengurusan kewangan serta tadbir urus korporat telah dilaksanakan selaras dengan objektif penubuhannya.

## **2.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN**

Skop pengauditan meliputi prestasi kewangan, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat bagi tahun 2011 hingga 2013. Analisis kewangan bagi tempoh 3 tahun dilaksanakan berdasarkan penyata kewangan bagi tahun 2010 hingga 2012. Pengauditan dijalankan dengan meneliti Memorandum Dan Artikel Syarikat, Akta Syarikat 1965, minit mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah Syarikat, fail, rekod serta dokumen yang berkaitan dengan pengurusan Syarikat. Selain itu, temu bual dan perbincangan juga diadakan dengan pegawai Syarikat dan pemeriksaan fizikal aset serta peralatan turut dijalankan.

## **2.4. PENEMUAN AUDIT**

Pengauditan yang dijalankan pada bulan September hingga Disember 2013 mendapati secara keseluruhannya, prestasi kewangan, pengurusan aktiviti, tadbir urus korporat dan pengurusan kewangan Syarikat kurang memuaskan. Kelemahan yang ditemui adalah seperti berikut:

- Kerugian sebelum cukai pada tahun 2012 meningkat kepada RM1.16 juta atau 205.3% berbanding RM0.38 juta pada tahun 2011. Manakala kerugian terkumpul meningkat dari RM1.70 juta pada tahun 2011 kepada RM2.86 juta pada tahun 2012.
- Liabiliti semasa Syarikat menunjukkan peningkatan sejumlah RM2.02 juta atau 98.1% iaitu daripada RM2.06 juta tahun 2011, kepada RM4.09 juta pada tahun 2012.
- Kemudahan dan fasiliti Hotel yang disediakan kurang memuaskan.
- Kelemahan dalam tadbir urus korporat, terutamanya pengurusan kewangan Syarikat.

### **2.4.1. Prestasi Kewangan**

Bagi menentukan prestasi kewangan Syarikat, analisis trend dan analisis nisbah telah dijalankan terhadap butiran yang ditunjukkan pada Lembaran Imbangan dan Penyata Pendapatan bagi tempoh 2010 hingga 2012. Hasil analisis kewangan adalah seperti berikut:

#### **2.4.1.1. Analisis Trend**


Maklumat kewangan Syarikat, Trend Pendapatan Dan Perbelanjaan, Kerugian Sebelum Cukai dan Kerugian Terkumpul Syarikat bagi tahun kewangan 2010 hingga 2012 adalah seperti di **Jadual 2.1, Carta 2.1** dan **Carta 2.2**.

**Jadual 2.1**  
**Maklumat Kewangan Syarikat Bagi Tahun Kewangan 2010 Hingga 2012**

Butiran	Tahun Kewangan		
	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)
Pendapatan	4.34	1.80	4.85
Kos Jualan Dan Kos Langsung	-3.15	-0.76	-2.56
<b>Untung Kasar</b>	<b>1.19</b>	<b>1.04</b>	<b>2.29</b>
Perbelanjaan Operasi Dan Pentadbiran	-2.31	-1.42	-3.45
<b>Untung/Rugi Operasi</b>	<b>-1.12</b>	<b>-0.38</b>	<b>-1.16</b>
Kos Kewangan	-	-	-
<b>Kerugian Sebelum Cukai</b>	<b>-1.12</b>	<b>-0.38</b>	<b>-1.16</b>
Cukai	-	-	-
<b>Kerugian Selepas Cukai</b>	<b>-1.12</b>	<b>-0.38</b>	<b>-1.16</b>
<b>Kerugian Terkumpul</b>	<b>-1.32</b>	<b>-1.70</b>	<b>-2.86</b>


Sumber: Penyata Kewangan Putra Palace Sdn. Bhd.

**Carta 2.1**  
**Trend Pendapatan Dan Perbelanjaan**  
**Bagi Tahun 2010 Hingga 2012**



Sumber: Rekod Kewangan Putra Palace Sdn. Bhd.

**Carta 2.2**  
**Trend Kerugian Sebelum Cukai Dan**  
**Kerugian Terkumpul Syarikat Bagi**  
**Tahun 2010 Hingga 2012**



Sumber: Rekod Kewangan Putra Palace Sdn. Bhd.

- a. Syarikat mencatatkan kerugian sebelum cukai 3 tahun berturut-turut pada tahun 2010 hingga 2012 masing-masing berjumlah RM1.12 juta, RM0.38 juta dan RM1.16 juta. Jumlah kerugian meningkat pada tahun 2012 sebanyak RM0.78 juta atau 205.3% berbanding tahun 2011 disebabkan peningkatan kos kakitangan dan kos langsung yang terdiri daripada kos utiliti (elektrik), perbelanjaan dapur, kos penyenggaraan dan pembaikan serta kos perkhidmatan.
- b. Pendapatan utama Syarikat pada tahun 2010, 2011 dan 2012 diperoleh daripada operasi perhotelan berjumlah RM4.34 juta, RM1.80 juta dan RM4.85 juta. Analisis Audit mendapati pendapatan Syarikat menurun pada tahun 2011 sejumlah RM2.54 juta atau 58.5% berbanding RM4.34 juta pada tahun 2010. Penurunan jumlah pendapatan ini disebabkan pengurusan Hotel Brasmana telah diambil alih oleh Hotel Brasmana Sdn. Bhd. mulai 1 Mac 2011. Pendapatan pada tahun 2012 bagaimanapun telah mencatatkan peningkatan sejumlah RM3.05 juta atau 169.4% menjadi RM4.85 juta berbanding tahun 2011. Peningkatan ini disebabkan Syarikat

telah mengambil alih pengurusan Hotel Putra Palace daripada Prima Bumi Avenue Sdn. Bhd. pada 15 Ogos 2011. Syarikat telah mengambil tindakan menaiktaraf bilik penginapan, pembaharuan menu makanan dan minuman, promosi penurunan harga bilik selain pertambahan dalam jumlah penganjuran majlis.

- c. Analisis Audit terhadap trend perbelanjaan Kos Jualan dan Kos Langsung menunjukkan peningkatan ketara pada tahun 2012 iaitu RM2.56 juta berbanding RM0.76 juta pada tahun 2011. Perbelanjaan elektrik meningkat sejumlah RM0.58 juta menjadi RM0.79 juta, perbelanjaan dapur meningkat sejumlah RM0.48 juta menjadi RM0.73 juta, perbelanjaan pemberian dan penyenggaraan meningkat sejumlah RM0.23 juta menjadi RM0.29 juta manakala bayaran cukai perkhidmatan meningkat sejumlah RM0.17 juta menjadi RM0.23 juta.
- d. Analisis Audit juga mendapati Perbelanjaan Operasi Dan Pentadbiran mencatatkan peningkatan ketara pada tahun 2012 iaitu sejumlah RM2.03 juta atau 143.0% menjadi RM3.45 juta berbanding RM1.42 juta pada tahun 2011. Perbelanjaan kakitangan yang terdiri daripada bayaran gaji, elaun, KWSP dan PERKESO meningkat sejumlah RM1.10 juta menjadi RM1.95 juta manakala sewa bangunan dan lain-lain cukai meningkat sejumlah RM0.53 juta menjadi RM0.74 juta.

#### 2.4.1.2. Analisis Aliran Tunai

- a. Penyata Aliran Tunai memberikan maklumat untuk menaksir keupayaan Syarikat menjana tunai dan kesetaraan tunai serta penggunaannya. Analisis aliran tunai dibuat bertujuan mengukur kedudukan kecairan tunai dan keupayaan sesebuah syarikat untuk menampung operasi bagi sesuatu tempoh. Ia menggambarkan kedudukan pertambahan atau pengurangan tunai pada tahun semasa. Semakan Audit terhadap Penyata Aliran Tunai Syarikat bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012 mendapati terimaan wang tunai dan penggunaannya adalah seperti di **Jadual 2.2**.

**Jadual 2.2**  
**Aliran Tunai Syarikat Bagi Tahun Kewangan 2010 Hingga 2012**

Bil.	Butiran	Tahun Kewangan		
		2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)
1.	Aliran Tunai Masuk / Keluar Dari Aktiviti Operasi	-0.24	-0.30	0.58
2.	Aliran Tunai Masuk / Keluar Dari Aktiviti Pelaburan	-0.23	0.45	-0.64
3.	Aliran Tunai Masuk / Keluar Dari Aktiviti Kewangan	-0.33	-	-
4.	Pertambahan / Pengurangan Bersih Tunai Dan Setara Tunai	-0.80	0.15	-0.06
5.	Tunai Dan Setara Tunai Pada Awal Tahun	1.05	0.25	0.40
6.	Tunai Dan Setara Tunai Pada Akhir Tahun	0.25	0.40	0.34

Sumber: Penyata Kewangan Putra Palace Sdn. Bhd.

- b. Berdasarkan Penyata Aliran Tunai bagi tahun kewangan 2010 hingga 2012, kedudukan tunai dan setara tunai Syarikat pada akhir tahun adalah positif, berjumlah RM0.25 juta, RM0.40 juta dan RM0.34 juta. Bagaimanapun, pegangan tunai pada

akhir tahun 2012 menunjukkan penurunan berbanding tahun 2011 iaitu sebanyak 15%. Penurunan ini disebabkan pada tahun 2012, terdapat aliran tunai keluar bersih daripada aktiviti pelaburan berjumlah RM0.64 juta yang melibatkan pembelian aset dan peralatan.

- c. Analisis aliran tunai Syarikat daripada Aktiviti Operasi menyaksikan aliran keluar tunai pada tahun 2010 dan 2011 sejumlah RM0.24 juta dan RM0.30 juta, berbanding aliran masuk tunai pada tahun 2012 yang berjumlah RM0.58 juta. Faktor utama aliran keluar tunai pada tahun 2010 dan 2011 disebabkan pembayaran kepada pembekal dan juga kakitangan yang melibatkan perbelanjaan berjumlah RM5.85 juta dan RM4.64 juta. Pada tahun 2012, terdapat aliran tunai masuk berjumlah RM0.58 juta, penerimaan tunai yang diperoleh daripada penghutang berjumlah RM2.17 juta mengatasi penggunaan tunai untuk tujuan pembayaran kepada pembekal dan kakitangan yang berjumlah RM1.59 juta.
- d. Penggunaan tunai bagi Aktiviti Pelaburan menunjukkan penurunan pada tahun 2012 berbanding tahun 2011, dengan aliran keluar tunai berjumlah RM0.64 juta, berbanding aliran masuk tunai berjumlah RM0.45 juta. Penggunaan tunai pada tahun 2012 didorong oleh pembelian peralatan berjumlah RM0.64 juta. Pada tahun 2011, terdapat aliran tunai masuk berjumlah RM0.46 juta hasil daripada pelupusan aset berbanding aliran tunai keluar berjumlah RM0.01 juta kerana pembelian peralatan.

#### **2.4.1.3. Analisis Nisbah Kewangan**

Bagi menilai prestasi kewangan Syarikat, analisis nisbah kewangan telah dijalankan iaitu analisis Nisbah Semasa, Margin Keuntungan, Nisbah Pulangan Ke Atas Aset dan Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti terhadap butiran yang ditunjukkan dalam penyata kewangan tahun 2010 hingga 2012. Hasil analisis nisbah kewangan adalah seperti di **Jadual 2.3**.

**Jadual 2.3**  
**Analisis Nisbah Kewangan Bagi Tahun Kewangan 2010 Hingga 2012**

Butiran	Tahun Kewangan		
	2010	2011	2012
Nisbah Semasa	1.64:1	2.39:1	1.30:1
Margin Untung Bersih	-104.3%	-50.6%	-45.2%
Nisbah Pulangan Ke Atas Aset	-0.13:1	-0.07:1	-0.19:1
Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti	-0.28:1	-0.12:1	-0.54:1

Sumber: Analisis Audit

##### **a. Nisbah Semasa**

Nisbah Semasa digunakan untuk mengukur tahap kecairan kewangan syarikat membayar hutang jangka pendek. Secara umumnya, semakin tinggi nisbah, semakin baik kecairan syarikat. Kedudukan nisbah antara aset dengan liabiliti semasa pada kadar 2:1 menunjukkan kecairan yang tinggi. Analisis Audit mendapati kadar kecairan Syarikat bagi

tahun 2012 adalah 1.30:1 menurun berbanding 2.39:1 pada tahun 2011 yang berada di tahap baik disebabkan jumlah tanggungan Syarikat yang semakin meningkat. Kadar kecairan Syarikat pada tahun 2010 adalah 1.64:1. Oleh itu, kemampuan aset semasa Syarikat pada tahun 2012 untuk ditukar segera kepada tunai bagi membayar hutang jangka pendek semakin menurun kepada tahap memuaskan.

#### **b. Margin Untung Bersih**

Margin untung bersih digunakan untuk mengukur peratusan keuntungan bagi setiap ringgit pendapatan yang diperoleh daripada aktiviti perniagaan utama sesebuah syarikat. Peningkatan peratusan menunjukkan tahap kecekapan sesebuah syarikat di mana bagi setiap ringgit kenaikan pendapatan ia memberi kesan langsung dan nilai tambah terhadap kadar keuntungan syarikat. Analisis Audit mendapati Margin Untung Bersih Syarikat adalah negatif pada tahun 2010, 2011 dan 2012 menunjukkan Syarikat mengalami kerugian bagi ketiga-tiga tahun tersebut. Kerugian ini disebabkan kos langsung, kos kakitangan dan lain-lain kos operasi yang tinggi iaitu berjumlah RM4.16 juta, RM2.01 juta dan RM5.82 juta berbanding hasil pendapatan yang berjumlah RM4.34 juta, RM1.80 juta dan RM4.85 juta.pada tahun 2010, 2011 dan 2012. Ini menunjukkan aktiviti urus niaga dan keupayaan Syarikat dalam menjana keuntungan adalah lemah manakala tahap kecekapan Syarikat adalah tidak memuaskan.

#### **c. Nisbah Pulangan Ke Atas Aset**

Nisbah ini mengukur pulangan yang diperoleh syarikat daripada pelaburan asetnya iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit aset yang digunakan. Semakin tinggi hasil yang diperoleh daripada setiap ringgit aset yang digunakan, semakin cekap syarikat mengurus asetnya. Nisbah Pulangan Atas Aset Syarikat berada pada tahap tidak memuaskan di mana Nisbah Pulangan Ke Atas Aset pada tahun 2010, 2011 dan 2012 adalah negatif 0.13:1, negatif 0.07:1 dan negatif 0.19:1. Keadaan ini menunjukkan Syarikat tidak produktif dan gagal menggunakan sepenuhnya aset yang dimiliki untuk memperoleh keuntungan.

#### **d. Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti**

Nisbah Pulangan Atas Ekuiti digunakan untuk mengukur pulangan ke atas jumlah modal syarikat yang dilaburkan oleh pemegang saham. Semakin tinggi hasil yang diperoleh daripada setiap ringgit modal yang digunakan, semakin cekap syarikat mengurus modalnya. Analisis Audit mendapati kadar pulangan ke atas ekuiti Syarikat pada tahun 2010, 2011 dan 2012 juga sangat lemah dan tidak memuaskan dengan kadar pulangan adalah negatif 0.28:1, negatif 0.12:1 dan negatif 0.54:1. Keadaan ini menunjukkan Syarikat gagal menjana keuntungan kepada Perbadanan sehingga menyebabkan ekuiti Syarikat berkurangan kepada RM2.14 juta pada tahun 2012 berbanding modal berbayar RM5 juta. Selain itu, nilai ekuiti Syarikat juga semakin menyusut iaitu kepada RM0.43 sesaham pada tahun 2012 berbanding RM0.80 dan RM0.72 pada tahun 2010 dan 2011.

**Pada pendapat Audit, pada keseluruhannya prestasi kewangan Syarikat adalah kurang memuaskan. Syarikat mengalami kerugian selama 3 tahun berturut-turut iaitu bagi tahun 2010 hingga 2012. Syarikat juga mencatatkan kerugian terkumpul berjumlah RM2.86 juta pada tahun 2012. Kerugian terkumpul ini meningkat setiap tahun bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012.**

#### **2.4.2. Pengurusan Aktiviti**

Aktiviti tunggal Syarikat adalah pengurusan hotel. Syarikat menguruskan 2 buah hotel iaitu Hotel Putra Palace yang beroperasi di Kangar, Perlis dan Hotel Putra Brasmana yang beroperasi di Kuala Perlis, Perlis. Hotel Putra Palace mula beroperasi pada tahun 1992. Ia terdiri daripada 2 buah bangunan iaitu bangunan 11 tingkat yang mempunyai kapasiti bilik sebanyak 145 buah dan bangunan *East Wing* yang mempunyai kapasiti bilik sebanyak 30 buah. Hotel Putra Brasmana mula beroperasi pada tahun 2005. Ia mempunyai sebuah bangunan 4 tingkat yang mempunyai kapasiti bilik sebanyak 100 buah.

Syarikat bertanggungjawab mengurus Hotel Putra Brasmana sehingga 28 Februari 2011 sahaja apabila Perbadanan menyerahkannya kepada Hotel Brasmana Sdn. Bhd. untuk diuruskan. Bagi tempoh 1 Januari 2010 hingga 14 Ogos 2011 pula, Syarikat tidak menguruskan Hotel Putra Palace apabila Perbadanan menyewakannya kepada Prima Bumi Avenue Sdn. Bhd.. Syarikat bagaimanapun kembali diberi tanggungjawab oleh Perbadanan untuk menguruskan Hotel Putra Palace mulai 15 Ogos 2011 dengan kadar sewaan RM45,000 sebulan. Bagi tempoh 1 Mac hingga 14 Ogos 2011, Syarikat tidak menjalankan sebarang aktiviti.

Operasi Hotel Putra Palace (Hotel) hanya tertumpu kepada perkhidmatan penyewaan bilik penginapan, penyediaan makanan dan minuman serta perkhidmatan lain, antaranya perkhidmatan bilik ke bilik, restoran, sewaan ruang kedai dan *wifi*. Pengurusan Hotel di bahagikan kepada 9 jabatan iaitu Jabatan *General Manager Office*, Jabatan *Human Resource*, Jabatan *Front Office*, Jabatan *Engineering*, Jabatan Kewangan dan Pentadbiran, Jabatan *Sales & Marketing*, Jabatan *Food & Beverage*, Jabatan *Kitchen* dan Jabatan *Security*.

##### **2.4.2.1. Trend Pendapatan Syarikat**

Semakan Audit mendapati trend pendapatan Syarikat bagi tempoh tahun 2007 hingga 2012, iaitu prestasi sebelum dan selepas pengambilalihan oleh PBA dan selepas pelepasan pengurusan Hotel Putra Brasmana kepada Hotel Brasmana Sdn. Bhd., menunjukkan penurunan secara mendadak. Pendapatan Syarikat pada tahun 2007 hingga 2009 adalah di antara RM11.99 juta hingga RM13.37 juta. Bagaimanapun, setelah hanya menguruskan Hotel Putra Palace, pendapatan Syarikat pada tahun 2012 berjumlah RM4.85 juta. Butiran penuh pendapatan bagi tempoh tahun 2007 hingga 2012 adalah seperti di **Jadual 2.4**.

**Jadual 2.4**  
**Trend Pendapatan Syarikat Bagi Tempoh Tahun 2009 Hingga 2012**

Keterangan	Pendapatan					
	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010* (RM Juta)	2011** (RM Juta)	2012 (RM Juta)
Pendapatan	11.99	11.54	13.37	4.34	1.80	4.85

Sumber: Rekod Kewangan Putra Palace Sdn. Bhd.

Nota: \* Sumber pendapatan diperoleh daripada pengurusan Hotel Brasmana sahaja.

\*\* Sumber pendapatan diperoleh daripada pengurusan Hotel Brasmana sehingga 28 Mac 2011 dan daripada Hotel Putra Palace bermula dari 15 Ogos 2011.

#### 2.4.2.2. Sasaran Kadar Penginapan

- a. Prestasi sebenar sesebuah hotel diukur melalui petunjuk kadar penginapan purata (*average occupancy rate*) dengan mengambil kira jumlah pendapatan dan jumlah bilik yang disewakan, berbanding jumlah bilik sedia ada di sesebuah hotel bagi sesuatu tempoh.
- b. Pada tahun 2010 dan 2011, Syarikat tidak menetapkan sebarang sasaran berhubung kadar penginapan disebabkan Hotel Putra Palace (Hotel) di bawah pengurusan PBA. Mulai tahun 2012, Syarikat menetapkan sasaran penginapan tahunan pada kadar di antara 25% hingga 60%. Semakan Audit mendapati prestasi penginapan pada tahun 2012 adalah pada kadar 33% manakala 44% pada tahun 2013. Prestasi penginapan tersebut jauh lebih rendah daripada sasaran maksimum penginapan iaitu pada kadar 60%. Butiran kadar penginapan bagi tempoh tahun 2010 hingga 2013 adalah seperti di **Jadual 2.5**.

**Jadual 2.5**

**Kadar Penginapan Purata Hotel Putra Palace Bagi Tempoh Tahun 2010 Hingga 2013**

Aktiviti	Kadar Penginapan Purata					Sasaran (%)	Purata 2012 Hingga 2013 (%)		
	Pengurusan PBA	Pengurusan PBA Sehingga 14 Ogos 2011							
		2010 (%)	2011 (%)	2012 (%)	2013 (%)				
Sewaan Bilik Penginapan	-	-	33	44	25 - 60	38			

Sumber: Rekod Kewangan Putra Palace Sdn. Bhd.

- c. Semakan Audit mendapati kadar penginapan purata yang rendah antaranya disebabkan Syarikat tidak menyediakan pelan pemasaran yang lengkap dan komprehensif berhubung produk/perkhidmatan yang disediakan. Pelan pemasaran yang komprehensif merangkumi strategi untuk mencapai matlamat termasuk analisis pesaing hotel, analisis SWOT perniagaan dan 5 prinsip asas pemasaran iaitu produk, harga, promosi, pasaran dan lokasi. Aktiviti pengiklanan dan promosi penting dalam pemasaran, antaranya bertujuan menyebarkan informasi produk kepada orang ramai, meningkatkan jualan dan keuntungan, mendapatkan pelanggan baru dan menjaga kesetiaan pelanggan serta menjaga kestabilan jualan. Kemudahan dan perkhidmatan

yang disediakan oleh Hotel mendapat saingan daripada pengusaha lain seperti Hotel Seri Malaysia dan Hotel Putra Brasmana.

- d. **Dalam maklum balas bertarikh 4 April 2014, Syarikat memaklumkan pengurusan Hotel Putra Palace diambil alih daripada Prima Bumi Avenue Sdn. Bhd. (PBA) pada 15 Ogos 2011. Selepas proses pengambilalihan, beberapa rundingan termasuk proses mahkamah di antara Perbadanan, Syarikat, PBA dan beberapa pembekal masih berjalan. Sehingga pertengahan tahun 2012, berbagai cerita negatif telah menjelaskan pendapatan Hotel, mengakibatkan pembatalan tempahan bilik penginapan selain kemudahan hotel yang memerlukan penyenggaraan. Syarikat telah memberi keutamaan terhadap membaikpulih dewan, dewan makan dan bilik penginapan yang boleh menjana pendapatan.**
- e. Pada tahun 2012 dan 2013, antara aktiviti pengiklanan dan promosi yang dijalankan oleh Syarikat adalah mencetak brosur dan risalah, laman sesawang hotel dan papan iklan. Tempahan bilik secara dalam talian menerusi laman sesawang Booking.com, Agoda.com dan Tripadvisor.com turut disediakan bagi memudahkan pelanggan membuat tempahan. Selain itu, beberapa aktiviti promosi telah dilaksanakan oleh Syarikat, antaranya penukaran menu makanan dan minuman serta promosi harga bilik. Bagaimanapun, promosi dan pengiklanan yang dijalankan didapati kurang berkesan kerana prestasi jualan Hotel masih belum mencapai sasaran yang ditetapkan, walaupun berlaku peningkatan perbelanjaan dalam aktiviti pengiklanan dan promosi dari RM0 pada tahun 2010 dan 2011 kepada RM0.05 juta pada tahun 2012.

#### **2.4.2.3. Penyenggaraan Bangunan Dan Kemudahan**

- a. Semakan Audit mendapati, Syarikat tidak mempunyai polisi dan prosedur berhubung pengurusan aset serta inventori yang komprehensif selain tidak mempunyai program penyenggaraan aset. Ini menyebabkan penyenggaraan bangunan dan kelengkapan hotel tidak dibuat secara berjadual dan aset tidak dijaga dengan baik. Laporan Kerosakan Dan Pembetulan Syarikat sehingga bulan Disember 2012 menunjukkan berlaku kerosakan terhadap aset utama Syarikat yang memerlukan penyenggaraan dan pembetulan. Antaranya, kerosakan sistem penyaman udara di mana *chiller* sedia ada tidak dapat menampung jumlah bilik penginapan, kerosakan sistem kumbahan, kerosakan lif, kebocoran bumbung akibat kerosakan sistem pengkalis air (*water proofing*) di Aras 12, siling diresapi air dan berkulat dan juga kerosakan karpet akibat kebocoran air hujan. Kesan daripada kerosakan ini telah mengundang banyak rungutan daripada pelanggan, antaranya suhu bilik kurang sejuk dan masalah bau yang kurang menyenangkan akibat kebocoran bumbung.

- b. Berdasarkan laporan *Out Of Order Room Listing* pada 16 Januari 2014, sebanyak 34 buah bilik penginapan tidak boleh disewakan akibat rosak. Antaranya disebabkan oleh parkir berair, dinding mengelupas, singki retak, langsir koyak, perabut rosak, alat penghawa dingin mengalami kebocoran dan siling bocor serta berkulat. Ada di antara bilik tersebut telah rosak sejak tahun 2010 dan 2011. Antara kerosakan yang dialami adalah seperti di **Gambar 2.1** hingga **Gambar 2.5**.

**Gambar 2.1**  
Karpet Diresapi Air  
Akibat Kebocoran Bumbung



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Hotel Putra Palace  
Tarikh: 16 Januari 2014

**Gambar 2.2**  
Siling Diresapi Air  
Akibat Kebocoran Bumbung



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Hotel Putra Palace  
Tarikh: 16 Januari 2014

**Gambar 2.3**  
Langsir Koyak Yang Belum Ditukar



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Hotel Putra Palace  
Tarikh: 16 Januari 2014

**Gambar 2.4**  
Cat Dinding Mengelupas



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Hotel Putra Palace  
Tarikh: 16 Januari 2014

**Gambar 2.5**  
**Singki Shower Retak Dan Pecah**



Sumber: Jabatan Audit Negara


Lokasi : Hotel Putra Palace

Tarikh : 16 Januari 2014

- c. Syarikat didapati dalam usaha meningkatkan imej, prestasi dan kualiti bilik penginapan, syarikat sedang dalam proses menukar baru pendingin hawa (*chiller*), mengecat semula bangunan, menukar lantai karpet dan menukar pintu cermin lobi. Selain itu, beberapa bilik penginapan telah dicat semula, menukar lantai kayu lamina di bilik hotel, katil di sebahagian bilik ditukar kepada saiz *queen*, menukar lampu sisi katil dan lampu meja solek (*dressing table*) di bilik *Penthouse*, *Suite* dan *Deluxe* secara berperingkat dan mengikut kemampuan kewangan Syarikat.
- d. **Dalam maklum balas bertarikh 4 April 2014, Syarikat mengakui tidak mempunyai polisi dan prosedur berhubung pengurusan aset serta inventori yang komprehensif. Bagaimanapun, Syarikat mempunyai jadual penyenggaraan secara berkala. Memandangkan kekangan kewangan, proses penyenggaraan dibuat secara berperingkat mengikut keperluan.**

#### **2.4.2.4. Maklumbalas Pengunjung**


- a. Menjadi tanggungjawab pihak pengurusan hotel memastikan premis hotel di jaga dan disenggara dengan baik supaya sentiasa berkeadaan bersih, selesa, menawarkan kemudahan yang lengkap dan sesuai serta menyediakan layanan yang memuaskan kepada pelanggan. Selain itu, petugas hotel juga memainkan peranan penting menjamin kepuasan pelanggan melalui perkhidmatan yang ditawarkan.
- b. Tinjauan Audit di laman sesawang Tripadvisor.com pada 21 Januari 2014 mendapati 22 pengunjung yang menginap di Hotel telah memberi pandangan terhadap kualiti perkhidmatan hotel. Daripada jumlah tersebut, seramai 11 atau 50% pengunjung telah memberi penanda aras sederhana manakala 6 atau 27% pengunjung menyatakan sangat lemah. Pandangan pengunjung adalah seperti di **Carta 2.3**.




**Carta 2.3**  
**Penanda Aras Oleh Pengunjung**

Sumber : Tripadvisor.com

- c. Tinjauan selanjutnya di laman sesawang Booking.com mendapati 61 orang pengunjung memberi pendapat tahap keselesaan bilik adalah pada kadar 6.6 manakala 199 orang pengunjung di sesawang Agoda.com pada kadar 6.9. Keadaan hotel/kebersihan masing-masing pada kadar 6.8 dan 6.4. Carta komen daripada pelanggan adalah seperti di **Carta 2.4** dan **Carta 2.5**.



Sumber: Booking.com



Sumber: Agoda.com

- d. Antara maklum balas yang perlu diambil perhatian bagi menjamin perkhidmatan dan kemudahan yang lebih baik ialah kemudahan hotel yang disediakan tidak menepati standard penarafan 4 bintang seperti yang dinyatakan di laman sesawang Booking.com dan Agoda.com. Kebanyakan pengunjung memberi komen supaya kemudahan dan peralatan yang disediakan seperti perabut, tilam, katil, televisyen dan bilik air diganti baru atau dinaik taraf. Pengunjung juga telah memberi komen tidak dapat mengakses internet dari dalam bilik hotel.
- e. **Dalam maklum balas bertarikh 4 April 2014, Syarikat bersetuju dengan maklumbalas yang diberikan oleh pengunjung dalam laman sesawang tersebut.**

Pada pendapat Audit, pengurusan aktiviti Syarikat adalah wajar ditingkatkan sekiranya mahu terus bersaing dalam industri perhotelan tempatan.

### **2.4.3. Tadbir Urus Korporat**

Syarikat dikehendaki mematuhi Akta Syarikat 1965 dan peraturan lain yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti, Lembaga Hasil Dalam Negeri dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia serta peraturan yang dikeluarkan oleh Kerajaan/Agensi Kerajaan yang berkaitan. Sebagai penambahbaikan terhadap prestasi dan amalan terbaik syarikat Kerajaan, Program Transformasi GLC (*Goverment Link Companies*) telah dilancarkan oleh Kerajaan Malaysia sebagai dasar dan garis panduan untuk diguna pakai oleh syarikat Kerajaan bagi menyediakan persekitaran untuk meningkatkan prestasinya. Aspek utama yang dinilai semasa menjalankan pengauditan adalah seperti berikut:

#### **2.4.3.1. Garis Panduan Dan Prosedur Kerja (*Standard Operating Procedures*)**

- a. Garis Panduan dan Prosedur Kerja (SOP) merupakan dokumen utama menerangkan secara lengkap setiap operasi yang dijalankan oleh syarikat bertujuan menyeragamkan urusan dan operasi harian serta dijadikan asas rujukan pegawai dan kakitangan Syarikat. Garis panduan berhubung peraturan pengurusan kewangan syarikat yang lazim diguna pakai adalah seperti di **Jadual 2.6**.

**Jadual 2.6**  
**Peraturan Pengurusan Kewangan Syarikat**

Polisi / Garis Panduan	Penambahbaikan
Polisi Dan Prosedur Pengurusan Kewangan	Menetapkan peraturan dan garis panduan berhubung dengan penyediaan penyata kewangan, bajet, perolehan, pembayaran, pungutan, perakaunan dan pengurusan pelaburan.
Polisi Dan Garis Panduan Pentadbiran Perolehan	Menerangkan kaedah yang perlu diikuti berhubung dengan proses perolehan di mana asas polisi adalah merujuk kepada peraturan yang dikeluarkan oleh Kerajaan.
Peraturan Kakitangan	Menerangkan tatacara berhubung terma dan syarat perkhidmatan, faedah dan perkara lain berkaitan dengan perkhidmatan bagi jawatan eksekutif dan bukan eksekutif.

Sumber: Amalan Terbaik Prosedur Kewangan

- b. Semakan Audit mendapati Syarikat tidak menyediakan SOP untuk dijadikan rujukan pekerja dalam urusan pentadbiran dan kewangan sejak ditubuhkan. Prosedur Kewangan, Prosedur Perakaunan Dan Prosedur Tender hanya disediakan dan diterima pakai mulai bulan Mac 2012 setelah diluluskan oleh Lembaga Pengarah pada 16 Mac 2012 dalam mesyuarat Lembaga Pengarah Putra Palace Sdn. Bhd. Bil. 1 Tahun 2012.
- c. **Dalam maklum balas bertarikh 4 April 2014, Syarikat akan menggunakan Buku Panduan Pekerja Anak Syarikat Kumpulan Perbadanan sebagai panduan dalam urusan pentadbirannya.**

#### **2.4.3.2. Pelantikan Ahli Lembaga Pengarah**

- a. Amalan Terbaik Tadbir Urus Korporat menetapkan supaya Lembaga Pengarah yang berkesan diwujudkan, bertujuan untuk mengurus Syarikat dengan cekap dan telus dengan 33.3% (1/3) keanggotaan Lembaga Pengarah terdiri daripada Pengarah Bukan Eksekutif yang bebas, berwibawa, berkaliber dan berpengalaman. Sebahagian Ahli Lembaga Pengarah yang dilantik perlu terdiri daripada mereka yang bukan daripada pihak pengurusan kumpulan, tetapi dilantik atas kepakaran dan pengalaman dalam bidang tertentu bersesuaian dengan aktiviti utama syarikat agar dapat memberi insentif kepada pengurusan Syarikat.
- b. Semakan Audit mendapati Syarikat telah melantik seramai 5 orang ahli Lembaga Pengarah. Lembaga Pengarah Syarikat dianggotai oleh 4 orang wakil daripada Kerajaan Negeri dan seorang pegawai Perbadanan. Pelantikan Ahli Lembaga Pengarah Putra Palace Sdn. Bhd. dicadangkan oleh Perbadanan dan Kerajaan Negeri. Semakan selanjutnya mendapati Lembaga Pengarah Syarikat tidak dianggotai oleh Pengarah Bukan Eksekutif bebas dan berpengalaman seperti ditetapkan oleh Amalan Terbaik Tadbir Urus Korporat, Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia. Tiada keahlian dari pihak luar yang mempunyai kepakaran serta berpengalaman dalam bidang perhotelan dilantik.
- c. Semakan Audit selanjutnya mendapati pada tahun 2010, mesyuarat Lembaga Pengarah Syarikat telah diadakan sebanyak 4 kali manakala tahun 2011 dan 2012 masing-masingnya sebanyak 2 kali. Kehadiran Ahli Lembaga Pengarah adalah memuaskan.
- d. **Dalam maklum balas bertarikh 4 April 2014, Syarikat memaklumkan prosedur berkenaan perlantikan, Garis Panduan serta Prosedur Kerja Ahli Lembaga Pengarah Syarikat yang disediakan oleh Perbadanan sedang dalam proses mendapat kelulusan daripada Lembaga Pengarah Perbadanan.**

#### **2.4.3.3. Pembayaran Dividen Kepada Pemegang Saham**

Semakan Audit mendapati sejak beroperasi, Syarikat belum pernah membayar dividen kepada Perbadanan disebabkan sentiasa mengalami kerugian. Sehingga bulan Disember 2012, kerugian terkumpul Syarikat berjumlah RM2.86 juta.

#### **2.4.3.4. Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan**

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 1993 menetapkan Jawatankuasa Audit perlu diwujudkan untuk memelihara kepentingan Kerajaan sebagai pemegang saham melalui kawalan dan pengawasan ke atas pengurusan syarikat. Semakan Audit mendapati, Unit Audit Dalam Perbadanan diberi tanggungjawab untuk menjalankan pengauditan terhadap semua anak syarikatnya, termasuklah Syarikat. Sejak Syarikat beroperasi pada tahun

1986, Unit Audit Dalam Perbadanan hanya menjalankan Pengauditan Pemeriksaan Mengejut sahaja terhadapnya iaitu pada bulan Februari 2013. Semakan Audit juga mendapati Isu-isu berkaitan kewangan dan pengauditan Syarikat dibincangkan dalam Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan Perbadanan yang dipengerusikan oleh YB Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis.

#### **2.4.3.5. Kawalan Pengurusan Kewangan**

Pada keseluruhannya, semakan dan pemeriksaan Audit mendapati kawalan pengurusan kewangan Syarikat adalah kurang memuaskan kerana terdapat kes-kes seperti berikut:

- a. Wang tunai terimaan bagi tempoh bulan Ogos 2011 hingga Disember 2013 berjumlah RM1,770,669 telah dibelanjakan untuk operasi Syarikat tanpa memasukkannya terlebih dahulu ke dalam bank.
- b. Wang tunai terimaan bagi tempoh bulan Ogos 2011 hingga Disember 2013 berjumlah RM147,132 tidak dapat disahkan sama ada telah dimasukkan ke dalam bank atau telah dibelanjakan untuk operasi Syarikat disebabkan tidak direkodkan dengan lengkap.
- c. Terimaan berjumlah RM4,450 hanya dibayar masuk oleh pegawai ke dalam akaun bank Syarikat pada bulan Disember 2013 dan Februari 2014 setelah mendapat pertanyaan Audit.
- d. Had kuasa menandatangani Baucar Bayaran tidak dikeluarkan secara bertulis.
- e. Sebanyak 73 Baucar Bayaran tahun 2012 dan 2013 yang disemak berjumlah RM438,128 tidak disahkan oleh pegawai kewangan yang bertanggungjawab.
- f. Sebanyak 25 Baucar Bayaran tahun 2011 hingga 2013 yang disemak berjumlah RM108,242 tidak disertakan bersama dengan dokumen sokongan yang lengkap.
- g. Nama Pengurus Besar Syarikat ditunjukkan sebagai penerima bayaran kepada Pembekal yang berjumlah RM3,235.
- h. Memecahkecilkan pembayaran perubatan pegawai yang berjumlah RM11,010, bertujuan untuk mengelak tandatangan pegawai lain.
- i. Syarikat telah memecahkecilkan jumlah tuntutan dengan had pembayaran tidak melebihi RM500 bertujuan pembayaran secara tunai melalui panjar wang runcit.
- j. Peruntukan panjar wang runcit digunakan untuk pembayaran tuntutan perjalanan, pembayaran gaji dan bil yang berulang. Sejumlah RM18,305 digunakan untuk bayaran tuntutan perjalanan dan gaji pegawai, sejumlah RM8,000 digunakan untuk

pembayaran pendahuluan diri pegawai dan sejumlah RM5,854 digunakan untuk pembelian kain dekorasi dan uniform kakitangan.

- k. Rekutan panjar wang runcit tahun 2013 yang bernilai RM36,000 tidak disokong dengan dokumen sokongan serta helaian akaun panjar wang runcit.
- l. Rekutan penuh sejumlah RM6,000 dibuat walaupun akaun panjar wang runcit masih mempunyai baki. Rekutan dibuat 2 kali sejumlah RM12,000 masing-masing pada 4 Jun 2013 dan pada 1 Ogos 2013. Keadaan ini menyebabkan had maksimum panjar wang runcit Syarikat melebihi had yang dibenarkan, selain gagal mematuhi Resolusi Pekeliling Lembaga Pengarah Bil. 1 Tahun 2013 bertarikh 13 Mac 2013.
- m. Rekutan panjar wang runcit berjumlah RM16,626 yang dibayar kepada pegawai tidak direkodkan ke dalam akaun panjar wang runcit. Baucar bayaran tersebut tidak mempunyai tandatangan pengesahan Pengurus Kewangan.
- n. Syarikat masih belum menyediakan Garis Panduan Pengurusan Aset yang lengkap dan khusus. Semua aset milik Syarikat tidak diberi tanda pengenal manakala verifikasi aset tidak pernah dijalankan. Set sofa yang telah rosak masih ditempatkan di ruang lobi. Tindakan menempatkan perabot yang rosak boleh menjelaskan imej Hotel. Keadaan aset tersebut adalah seperti **Gambar 2.6**.

**Gambar 2.6**  
**Sofa Koyak Masih Digunakan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Hotel Putra Palace  
Tarikh: 16 Januari 2014

- o. Aset rosak masih belum diambil tindakan pelupusan walaupun telah lama terbiar. Aset tersebut juga tidak dapat dipastikan sejak bila ianya tidak boleh digunakan. Contoh aset adalah seperti di **Gambar 2.7**.

**Gambar 2.7**  
**Aset Rosak Yang Belum Dilupuskan**



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Hotel Putra Palace

Tarikh: 16 Januari 2014

- p. **Dalam maklum balas bertarikh 4 April 2014, Syarikat mengakui tidak mempunyai Garis Panduan Pengurusan Aset. Bagaimanapun, ia dalam proses penyediaan dengan merujuk kepada Perbadanan dan lain-lain anak syarikat Perbadanan. Arahan dan surat kuasa berkaitan telah dikeluarkan kepada pegawai supaya mematuhi peraturan kewangan yang berkuatkuasa. Aset yang rosak akan dilupuskan secara berperingkat kerana perlu dipastikan tahap kerosakannya.**

**Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya tadbir urus korporat dan pengurusan kewangan Syarikat adalah kurang memuaskan kerana tidak mematuhi peraturan yang berkuatkuasa.**

## **2.5. SYOR AUDIT**

Pada keseluruhannya, prestasi pengurusan dan kewangan Syarikat adalah kurang memuaskan. Putra Palace Sdn. Bhd. dan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis disyorkan mengambil tindakan berikut bagi mempertingkatkan prestasi kewangan, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat seperti berikut:

- 2.5.1.** Mempertingkatkan prestasi kewangan dan berusaha dengan lebih giat untuk mengurangkan defisit ekuiti.
- 2.5.2.** Mempergiatkan lagi pemantauan terhadap pengurusan aktiviti utama supaya kelemahan yang wujud dapat dikenal pasti dan ditangani dengan segera.
- 2.5.3.** Mengambil tindakan segera terhadap perkara berbangkit dalam tadbir urus korporat dan pengurusan kewangan. Syarikat perlu memastikan pengurusan kewangan mencapai standard yang ditetapkan.
- 2.5.4.** Menambah baik kemudahan dan fasiliti Hotel.





---

## PENUTUP



## **PENUTUP**

Secara keseluruhannya, pengauditan yang dijalankan mendapat wujud beberapa kelemahan dari segi perancangan, pemantauan serta kepatuhan kepada peraturan kewangan. Antara faktor utama yang menyebabkan wujudnya kelemahan tersebut adalah perancangan yang disediakan tidak menyeluruh dan sistematik, projek pembinaan tidak dipantau secara menyeluruh dan kurangnya pengetahuan pegawai terhadap pengurusan kewangan dan akaun Syarikat.

Jabatan dan Agensi Negeri yang terlibat telah dan sedang mengambil tindakan pembetulan selepas mendapat teguran daripada pihak Audit, namun bagi mengelakkan kelemahan yang sama daripada berulang, langkah pembetulan perlu dibuat secara berterusan. Pegawai Pengawal yang terlibat juga perlu mengatur supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku di program/aktiviti lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya.

Kerajaan Negeri juga perlu memantau aktiviti syarikat miliknya untuk memastikan syarikat mewujudkan tadbir urus korporat yang baik, mematuhi undang-undang dan peraturan Kerajaan, berdaya saing dan memperoleh keuntungan seterusnya berupaya membayar dividen kepada Kerajaan Negeri.

### **JABATAN AUDIT NEGARA**

**Putrajaya**  
**15 April 2014**







**JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA**

No. 15, Aras 1-5  
Persiaran Perdana, Presint 2  
62518 Wilayah Persekutuan Putrajaya

[www.audit.gov.my](http://www.audit.gov.my)